BAB III

PEMIKIRAN ALI SYARI'ATI TENTANG *RAUSYANFIKR*

3.1 Terminologi *Rausyanfikr*

Istilah *Rausyanfikr* muncul di Iran pada pertengahan abad ke-19, yang secara harfiah diertikan sebagai pemikir yang cemerlang. Pada mulanya secara historik menurut budayawan Indonesia Dawam Rahardjo, "Istilah itu merujuk kepada kaum intelektual sekular di Iran, iaitu kaum terpelajar lulusan Barat yang sekaligus mengagumi dan dipengaruhi oleh ahli falsafah Eropah abad ke 18".[1]

Rausyanfikr juga dapat diertikan sebagai pemikir-pemikir yang cerdas, moden, bebas dan profesional, yang mengabdikan dirinya kepada perubahan sosial, politik dan budaya. Mereka adalah lawan dari sekelompok intelektual yang terikat pada adat dan pemikiran formal. Pada abad ke-20, *Rausyanfikr* tersebut dianggap sebagai intelektual atau professional yang mengungkapkan pemikiran-pemikiran moden dan liberal.

Sebelum terjadinya revolusi pada tahun 1978-1979, istilah ini digunakan untuk menunjukkan pemikiran-pemikiran tokoh-tokoh agama yang revolusioner. Bersamaan dengan munculnya para pejuang yang ingin menegakkan ideologi islam pada sekitar tahun 1960 dan 1970-an. Orang-orang dari kalangan agama yang menginginkan perubahan juga dimasukkan ke dalam pengertian *Rausyanfikr* itu.[2]

---

[1] M. Dawam Rahardjo (1988), Pengantar untuk buku Ali Syari'ati, *Marxisme and Other Western Fallacies*, terj. Husin Anis Al Habshi, Bandung, Mizan, h. 7.

[2] John J. Donohue & John L. Esposito (ed.) (1986), *Islam in Transition, Muslim Perspectives*, London, Oxford University Press, h. 534.

Kata berbahasa Parsi ini menurut Hernowo, merupakan konsep yang bermakna ganda. Persamaan istilah ini dalam Bahasa Arab ialah *Munawwar al-fikr*, yang biasanya disamakan dengan istilah intelektual. Ali Syari'ati memberikan dua erti terhadap istilah tersebut. Beliau mengertikannya intelektual, tetapi sering juga mengertikannya sebagai *Nabi sosial*.[3] Sedangkan menurut Jalaluddin Rahmat, terjemahan yang paling tepat untuk istilah *Rausyanfikr* adalah intelektual dalam erti yang sebenarnya. Kaum intelektual bukanlah sarjana, yang hanya menunjukkan kelompok orang yang sudah tamat belajar pada peringkat institusi pengajian tinggi dan memperoleh gelar sarjana. Mereka juga bukan setakat ilmuwan, yang mendalami dan mengembangkan sains dengan pentaakulan atau penelitian. Mereka adalah kelompok manusia yang merasa terpanggil untuk memperbaiki masyarakatnya, memahami aspirasi mereka dan merumuskannya dalam bahasa yang boleh difahami setiap orang, dan mampu menawarkan jalan penyelesaian.[4]

Ali Syari'ati sendiri memberi makna yang khusus untuk *Rausyanfikr*. Menurutnya *Rausyanfikr* atau intelektual adalah seorang yang sedar akan rasa kemanusiaan pada zamannya, sedar akan tanggungjawabnya dan berinisiatif untuk menghantarkan rakyatnya ke arah tindakan ilmiah, sosial dan revolusioner.[5]

Ali Syari'ati menjelaskan istilah *Rausyanfikr* sebagai simbol yang digunakan ke atas mereka yang bekerja dengan menggunakan pemikirannya, termasuk

---

[3] Hernowo (1988), pengantar untuk buku Ali Syari'ati, *What is to be Done : The Enlightened Thinkers and Islamic Renaissance*, terj. Rahmani Astuti, Bandung, Mizan, h. 24.

[4] Jalaluddin Rahmat (ed.) (1984), Pengantar untuk buku Ali Syari'ati, *Ideologi Kaum Intelektual (kumpulan makalah)*, Bandung, Mizan, h.15.

[5] *Ibid.*, h. 185.

para pelajar, sarjana, guru mahupun profesor. Ini menurutnya adalah pengertian umum dari istilah ini, tetapi dalam pengertian yang lebih khusus *Rausyanfikr* adalah seorang yang berpegang teguh kepada ideologi yang telah dipilihnya secara sedar. Kesedaran itulah yang mendorongnya mencapai kefahaman istimewa tentang kehidupan dan cita-cita yang jelas. Beliau bersedia berkorban untuk membela kesedaran yang diyakininya itu.

Dengan mengabdikan dirinya untuk cita-cita ideologinya, beliau menjadi intelektual pejuang. *Rausyanfikr* menciptakan kesedaran dan keyakinan yang telah mendorong gerakan-gerakan progresif dalam sejarah dan menyedarkan umat akan realiti kehidupan mereka. Peranan yang dimainkan seorang *Rausyanfikr* berbeza dengan peranan seorang ahli falsafah. Seorang ahli falsafah seperti Aristotle (m. 322 SM) tidak memiliki corak kesedaran dan keyakinan seperti di atas. Aristotle bukanlah seorang *Rausyanfikr*, kerana ia tidak mencetuskan gerakan sosial dalam masyarakatnya. Dia juga tidak pernah membangkitkan kesedaran masyarakat yang menderita semasa berhadapan dengan realiti kehidupan mereka. Plato (m. 347 SM) tidak jauh berbeza dengan Aristotle, kerana Plato tidak berupaya menyelesaikan persoalan masyarakatnya secara berkesan, meskipun dia berjaya membangun suatu aliran falsafah. Ptolemy adalah seorang ilmuwan dan doktor yang luas ilmu pengetahuannya. Tetapi ilmunya tidak berpengaruh sama sekali pada nasib zaman dan masyarakatnya.

Meskipun bangsa Yunani memiliki tokoh-tokoh seperti mereka, kehidupan rakyat jelata tidak pernah sejahtera, kerana intelektual-

intelektual seperti itu merupakan perenung-perenung pasif yang menggantungkan diri kepada hasil jerih payah petani. Bukan ahli falsafah atau ilmuwan yang diperlukan oleh Yunani, tetapi *Rausyanfikr* yang aktif memperbaiki dan merubah nasib para hamba yang malang.[6]

Ali Syari'ati menekankan bahawa istilah *Rausyanfikr* bukan gelaran bagi mereka yang telah memperoleh kedudukan di Pengajian Tinggi. *Rausyanfikr* bukanlah bererti intelektual dalam ertian orang yang aktif di universiti. Intelektual seperti ini secara keliru diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi sebagai *Rausyanfikr*, merujuk kepada orang-orang yang mengajar ilmu pengetahuan. Orang semacam itu boleh sahaja menjadi *Rausyanfikr* atau tidak. Sebaliknya seseorang mungkin tidak tergolong intelektual jika ia bekerja di kilang misalnya. Tetapi mungkin sahaja ia berkebolehan melakukan tugas-tugas seorang *Rausyanfikr*.

Hubungan antara kedua-dua konsep ini bukanlah hubungan saling terkait. Tidak semua intelektual adalah *Rausyanfikr* tetapi hanya sebahagian di antaranya, dan begitu pula sebaliknya. Hanya sedikit sekali yang patut dianggap sebagai keduanya (intelektual sekaligus *Rausyanfikr*). Misalnya, Sattar Khan adalah *Rausyanfikr* meskipun beliau bukan seorang intelektual, sementara Allamah Muhammad Qazvini [7] adalah seorang intelektual tetapi bukanlah seorang *Rausyanfikr*; Ali Akbar Dekhuda[8] dapat dianggap gabungan dari keduanya.

Siapakah *Rausyanfikr* itu? secara singkat *Rausyanfikr* adalah orang yang sedar akan keadaan manusia pada zamannya. Kesedaran semacam itu dengan

---

[6] Ali Syari'ati (1982), *Man and Islam*, Masyhad, University of Masyhad Press, h.234.

[7] Sattar Khan (m.1913 M) adalah pahlawan perang di Tabriz, anak pedagang miskin.Allamah Muhammad Qazwini (m. 1949 M) adalah seorang sarjana pening di Iran di dalam bidang sastera dan sejarah. *Ibid*, h. 89

[8] Ali Akhbar Dekhuda (m.1955 M) adalah seorang Sarjana, ahli filologi, encyclopaedist dan journalist di Iran. *Ibid*, h.90.

sendirinya akan memberikan rasa tanggungjawab sosial. Jika ia termasuk kalangan terpelajar maka aktivitinya akan lebih berpengaruh, dan jika tidak, maka kurang pula pengaruhnya. Tetapi ini bukan suatu ketentuan umum, sebab terkadang seorang individu yang tidak terpelajar boleh memainkan peranan yang jauh lebih penting.

Suatu penelitian atas masyarakat-masyarakat yang telah berhasil melepaskan dirinya dari belenggu kolonialisme yang menindas menjadi sebuah negara yang maju dan dinamik, menunjukkan bahawa para pemimpin mereka dan pihak-pihak yang menjadi pelopor dalam revolusi dan gerakan-gerakan rakyat, seringkali tidak termasuk golongan intelektual. Prinsip yang hanya mengandung sedikit pengecualian, dengan mudah dibuktikan oleh gerakan-gerakan sosial di Afrika, Amerika Latin dan Asia. Dapat disimpulkan dari huraian ini bahawa para pemimpin revolusioner jarang sekali berasal dari golongan terpelajar.[9]

Di zaman moden, ketika manusia telah mencapai jalan buntu dalam perkembangan masyarakatnya, dan ketika negara-negara sedang berkembang sedang berjuang melawan berbagai kesulitan dan kekurangan, maka *Rausyanfikr* adalah tokoh yang mampu menumbuhkan rasa tanggungjawab dan kesedaran kepada rakyat.

Dengan demikian, *Rausyanfikr* tidak harus seorang yang telah mewarisi dan melanjutkan karya-karya Socrates (m. 399 SM), Aristotle (m. 322 SM), Al Khawarizmi (m. 863 M) dan Ibn Sina (m. 1037 M). Biarlah para ilmuwan moden seperti Einstein (m. 1955 M) dan Wiener (m. 1964 M) yang

---

[9] Ali Syari'ati (1984), *op.cit*, h. 28.

menyempurnakan dan melanjutkan tradisi-tradisi keilmuwan mereka. Pada prinsipnya, tanggungjawab dan peranan *Rausyanfikr* pada masa ini sama dengan tanggungjawab dan peranan para Nabi yang mendorong terwujudnya perubahan yang mendasar di masa lampau.

Para Nabi tidak sama dengan para ahli falsafah, ilmuwan, mahupun seniman. Para Nabi seringkali muncul dari golongan rakyat biasa dan boleh berkomunikasi dengan rakyat, memaparkan pandangan baru, memulakan gerakan-gerakan dan perubahan-perubahan baru. Gerakan-gerakan besar yang diterajui oleh para para Nabi ini mampu merubah masyarakat yang beku, statik dan jumud menjadi masyarakat yang memiliki arah, gaya hidup, pandangan, dan budaya mereka sendiri.

Oleh sebab itu, para Nabi tidak boleh dimasukkan dalam kategori ilmuwan atau ahli falsafah, dan tidak pula dalam kategori rakyat biasa yang tidak mempunyai kesedaran. Sebaliknya, mereka hanya dapat dimasukkan ke dalam kategori mereka sendiri. Mereka tidak termasuk masyarakat awam, yang biasanya merupakan produk tradisi-tradisi dan acuan sosial yang sudah usang; juga bukan golongan ilmuwan, ahli falsafah, seniman, pendeta atau ahli agama yang terbelenggu dalam konsep-konsep abstrak dan tenggelam dalam pengkajian-pengkajian ilmiah atau renungan *rohani*ah mereka sendiri.

Seperti para nabi, *Rausyanfikr* adalah individu-individu berbakat luar biasa yang sedar dan memiliki tanggungjawab untuk membangkitkan kesedaran yang dikurniakan Tuhan. Hanya kesedaran dirilah yang boleh merubah rakyat yang statik dan rosak menjadi kekuatan yang dinamik dan

kreatif. Perubahan itu akhirnya melahirkan tamadun, dan kebudayaan baru.[10] Ali Syari'ati berkata:

> *Rausyanfikr*, seperti Nabi-Nabi di masa lampau, berbeza dengan para ahli falsafah, sasterawan, ilmuwan, orang-orang salih, dan seniman-seniman yang hidup bersama dengan orang-orang yang mempunyai minat yang sama dan terpencil, jauh dari kehidupan rakyat biasa. Mereka berada dalam lingkungan masyarakat mereka sendiri, di gunung-gunung, biara-biara, kuil-kuil, universiti-universiti, kolej-kolej, perpustakaan atau rumah-rumah peribadi mereka. Mereka memang boleh menyelesaikan tugas mereka sendiri, namun sayang mereka tidak mengetahui sedikitpun tentang nasib, kesengsaraan dan keperluan rakyat jelata. Mereka hanya berjuang untuk meraih kedudukan mulia sebagai ahli falsafah, pendeta yang salih, atau pakar dalam bidang kesenian.
>
> Berbeza dengan mereka, Nabi Muhammad s.a.w.. menerima wahyu dan terus melangkah menuju umatnya. Wahyu-wahyu pertama misalnya, memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w.. untuk meninggalkan pengasingannya, kehidupan peribadi, keluarga dan kaumnya dan berdiri di tengah-tengah umat untuk memberi mereka harapan dan peringatan. Baginda menyerang simbol-simbol kejahilan, kebohongan dan khurafat, serta menghancurkan berhala-berhala yang diciptakan oleh umatnya. Baginda mengatakan kepada umatnya yang terdiri dari golongan hamba dan orang-orang miskin bahawa ada banyak contoh di mana suatu kelompok kecil boleh mengalahkan kelompok besar. Baginda menjanjikan kepada umatnya bahawa keputusan Allah Yang Maha Perkasa telah menjamin mereka untuk menjadi pemimpin dan pewaris bumi, jika mereka berbuat kebajikan dan melarang kejahatan.[11]

Lebih jauh lagi, Ali Syari'ati menjelaskan bahawa kaum intelektual yang terasing dari masyarakatnya merupakan bahaya terbesar. Ketidakpedulian mereka akan membuat masyarakat menderita dan tidak akan mampu mengatasi dan mengakhiri penderitaan mereka. Walaupun masyarakat tersebut memiliki pemikir-pemikir besar yang diiktiraf dunia.

Masyarakat Islam pernah memiliki tokoh-tokoh besar seperti Ibn Sīnā (m. 1037 M), al-Ghazālī (m. 1111 M), dan lain-lain yang terkenal dengan karya-

---

[10] *Ibid*, h. 29.

[11] *Ibid*, h. 86-87

karya agung. Mereka diakui sebagai guru-guru kemanusiaan pada zaman mereka. Akan tetapi masyarakat mereka yang diperintah oleh Dinasti Ghaznavid dan Seljuq tetap mengalami kemerosotan dan diperhamba oleh bangsa asing. Masyarakat tetap tidak berubah kerana kaum intelektual telah terasing dari masyarakatnya. Sebagai ganti seribu Ibn Sīnā (m.1037 M) atau al Ghazālī (m. 1111 M), seandainya umat Islam pada masa itu memiliki satu sahaja *Rausyanfikr* seperti Abu Dhar al Ghiffari, maka masyarakat akan terbebaskan dari tirani dinasti Ghaznawi dan Seljuq bahkan juga Mongol.[12]

Dalam menjelaskan perbezaan antara intelektual dan *Rausyanfikr* ini Ali Syari'ati mengambil kes Athena dan Sparta dua buah negeri di zaman Yunani klasik :

> Yunani memiliki para pemikir dan ahli falsafah yang pemikiran-pemikirannya masih dihargai dan diapresiasikan orang sehingga sekarang. Definisi Aristotle tentang *tragedi* dan *komedi* masih dipegang dan diterima sebagai definisi yang paling baik tentang dua bentuk sastera walaupun definisi itu dibuat sekitar dua ribu tahun yang silam. Namun sayang sekali ahli falsafah seperti Aristotle tidak berupaya menyelesaikan masalah-masalah Athena pada zamannya. Athena adalah suatu masyarakat perhambaan dan yang diwarnai dengan kezaliman. Aristotle hidup dalam masyarakat tersebut tanpa pernah dapat merubahnya. Sebaliknya, Sparta bukanlah kota para sarjana; ia adalah kota para atlit. Seorang pemuda Sparta tidak takut dengan rasa sakit dan hukuman apapun dan bangga dengan kekuatan tubuhnya. Ia tidak ragu-ragu berbaring di atas tanah, menerima ratusan pukulan cameti, dan bangkit di atas kedua-dua kakinya tanpa menunjukkan rasa sakit sedikit pun. Di Athena terdapat ratusan penulis, pemikir, ahli falsafah, artis, dan intelektual-intelektual, namun mereka tidak boleh merubah dan membangun masyarakat mereka. Kewujudan golongan elit tersebut dalam masyarakat tidak berbeza dengan ketidakwujudan mereka.[13]

---

[12] Ali Syari'ati (1982), *op cit.*, *h.* 230.

[13] *Ibid*, h. 232

Dengan demikian menurut Ali Syari'ati seorang *Rausyanfikr* adalah orang yang tugas utamanya membangun dan membangkitkan masyarakat. Bila masyarakat dibimbing secara benar ia boleh melahirkan pahlawan-pahlawan yang kuat untuk membimbing dan memerintah rakyat. *Rausyanfikr* bertanggungjawab menciptakan kesedaran bersama bagi menentang penjajahan. Kesedaran ini harus ditanamkan oleh *Rausyanfikr* dalam naluri rakyat, dalam agama, dalam sejarah, dalam seni dan sastera mereka.

Ali Syari'ati mencontohkan salah seorang *Rausyanfikr* Hindu yang terkenal di India, Radha Khrishnan yang boleh menakjubkan pemikir-pemikir Eropah.

> Ketika saya berada di Eropah saya mendengar bahawa Radha Krishnan sedang mengunjungi Belgium. Saya cukup mengagumi pemikir besar Timur ini, sebab itu saya putuskan untuk menemuinya di sana dan menghadiri ceramahnya tentang sejarah agama-agama. Di sana saya melihat sejumlah sarjana Barat turut menghadiri ceramah-ceramahnya. Namun mereka kelihatan kecil di hadapan pemikir besar dari Timur ini. Beliau nampak begitu menguasai dan mampu mengemukakan pesan-pesannya secara mendalam. Di hadapannya, para pendengar yang terdiri daripada para intelektual itu kelihatan seperti para murid yang duduk di hadapan Nabinya. Mereka mengajukan pertanyaan atau pendapat dengan suara ragu-ragu dan gugup.
>
> Radha Krishnan melanjutkan ceramahnya dengan membahas secara mendalam pelbagai agama-agama. Beliau mengungkapkan pandangannya tentang berbagai aspek mazhab-mazhab pemikiran di Timur yang menakjubkan yang bertepatan dengan analisa, kecerdasan dan perasaan keindahan yang unik. Para pendengar merasa jiwanya bergetar dalam perenungan yang mendalam. Orang-orang Eropah tersebut merasa rendah diri kerana berhadapan dengan seseorang yang memberikan menu baru bagi falsafah mereka. Keaslian pemikiran Radha Krishnan itulah yang menyebabkan beliau mendapat kehormatan di Barat.[14]

[14] *Ibid*, h. 254.

Tokoh *Rausyanfikr* Muslim moden menurut Ali Syari'ati diwakili oleh Sir Mohammad Iqbal (m. 1938 M). Segera setelah menerima gelar Ph.D. Iqbal tidak membungkus dirinya dalam pakaian seorang ahli falsafah. Beliau juga tidak menerima kedudukan tinggi di universiti dan mengumpulkan murid-muridnya serta para ilmuwan di sekelilingnya. Dan yang paling penting, beliau tidak sudi untuk duduk di bawah imperialisme Inggeris dan mengabaikan masalah-masalah sosial di negaranya.

Beliau boleh sahaja melanjutkan kariernya dengan melanjutkan pemikiran Socrates (m. 399 SM), Plato (m. 347 SM), Aristotle (m. 322 SM), Ibn Sina (m. 1037 M), Mulla Sadra (m.1640 M) atau Suhrawardi al Maqtul (m. 1191 M) di bidang falsafah. Beliau boleh juga boleh menikmati keseronokan intelektual dengan melakukan kritikan untuk Aristotle (322 SM), al Farabi (m. 950 M) atau Mulla Sadra (m. 1640 M).

Namun jalan manakah yang dipilihnya? Beliau boleh mengasingkan diri daripada masyarakatnya dan tenggelam dalam perenungan falsafah. Beliau juga boleh bersikap tidak peduli tentang hakikat bahawa negaranya telah tergadai kepada bangsa lain. Memang benar bahawa rakan-rakan sebangsanya yang pintar tidak boleh memahaminya; tetapi kerana Iqbal seorang *Rausyanfikr*, beliau tidak berusaha untuk melarikan diri atau mengasingkan diri. Beliau menyedari bahawa beliau telah diutus untuk sebuah misi bagi rakyatnya. Falsafah *Khudi*[15] -nya bukanlah suatu teori khusus. Justeru semangat revolusionerlah yang ingin dihembuskannya kedalam masyarakatnya.

[15] Secara harfiah *Khudi* bererti kedirian yang biasa juga diterjemahkan sebagai ego, peribadi, individualiti.

keyakinan agama yang kuat, logik dan rasional, menghadirkan kembali Islam sejati di lingkungan yang serba moden ini. Mereka menyampaikan pesanan Nabi kepada umat mencetuskan suatu *tajdid* yang logik dan progresif dalam masyarakat dan zaman mereka[19].

Amien Rais mengulas bahawa *Rausyanfikr* yang dimaksud oleh Ali Syari'ati adalah kelompok intelektual yang tidak suka melihat kejumudan bangsanya. Konsep utama pemikiran Ali Syari'ati mengenai *Rausyanfikr* tertumpu kepada tugas intelektual Islam di tengah-tengah umat. Mereka boleh memberi manfaat jika selalu berada di tengah-tengah umat. Mereka boleh berguna jika memberi penerangan, membimbing umat dan bersama-sama melakukan pembaharuan ke arah kehidupan yang lebih baik. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri diutus Allah di tengah-tengah umat untuk kemudian bersama-sama dengan mereka keluar dari kegelapan ke cahaya hidayah yang terang-benderang. *Rausyanfikr* bukanlah intelektual yang beriman kepada idea-idea Barat mahupun timur, sebaliknya ia adalah intelektual yang berkiblat hanya kepada Islam[20].

Mongol Bayat memperjelas maksud Ali Syari'ati tentang *Rausyanfikr* dengan mengatakan: "Istilah *Rausyanfikr* ini dimaksudkan untuk menunjukkan ciri-ciri para intelektual moden yang bebas dan profesional, yang mengabdi kepada perubahan sosial, politik dan budaya"[21].

Seorang *Rausyanfikr* harus memahami kesedaran mendalam dari masyarakatnya, jika ia hidup di India misalnya, ia harus mengenal *Budhisme*

---

[19] *Ibid.*, h. 90.

[20] Amien Rais, Pengantar untuk buku Ali Syari'ati (1982), *op.cit*, h. x.

[21] Mongol Bayat (1986), Pengantar untuk makalah Ali Syari'ati, Intidhar madhabi-i I'tiraz, *John J. Donohue & John L. Esposito (ed.), op.cit., h.* 553.

dan *Hinduisme*, kerana telah menjadi kenyataan bahawa orang-orang India menganut keyakinan-keyakinan itu. Itulah sebabnya seorang pemikir besar Eropah tidak akan boleh berbuat banyak di India, dan yang berhasil justru pemikir asli India seperti Mahatma Gandhi (m. 1948 M) yang akrab dengan roh dan budaya India.

Seorang *Rausyanfikr* Muslim harus menyedari bahawa jiwa yang mendominasi budaya umat mestilah bernafaskan Islam. Sebab Islam merupakan dasar sejarah mereka, kutub perjuangan, dan tonggak kepada nilai-nilai moral mereka. Jika *Rausyanfikr* Islam gagal menanamkan semangat Islam ke dalam masyarakatnya, mereka akan segera terasing dan tertolak.

Seorang *Rausyanfikr* Muslim di dalam masyarakat Islam haruslah seorang ahli tentang ilmu-ilmu keislaman. Hanya dengan cara itu sahaja matanya akan terbuka untuk melihat tragedi dan bencana yang akan terjadi. Ia menyedari bahawa para *Rausyanfikr* tidak boleh salah dalam melangkah. Sekali ia salah menyampaikan ajaran Islam, ia boleh melahirkan kebekuan ke atas budaya dan sejarah Islam itu sendiri. Akibatnya ia akan gagal mencapai kesedaran religius yang boleh menyelamatkan umat dari terperosok dalam kehinaan.[22]

Melalui petikan-petikan diatas boleh disimpulkan bahawa rausyanfikr adalah seorang yang bertanggungjawab atas nasib masyarakatnya, beliau berjuang untuk membebaskan rakyat dari penindasan penguasa-penguasa yang zalim. Tugasnya tidak hanya setakat menciptakan idea-idea tentang kebenaran tetapi juga berjuang untuk mewujudkan keadilan dimuka bumi.

---

[22] Ali Syari'ati (1984), *op cit*, ms.168.

3.2 Ideologi dan *Rausyanfikr*

Ideologi adalah istilah yang berasal dari kata idea. A.S.Hornby mendefinisikannya sebagai berikut : *Idea is thought or picture in the mind*"[23], bermaksud pemikiran atau gambaran dalam akal. Dalam falsafah sosial seorang idealis secara umum difahami dalam dua makna:

i. Seorang yang menerima ukuran moral, *estetika* dan agama yang tinggi serta menghayatinya.

ii. Orang yang boleh merancang dan menganjurkan suatu rencana atau program yang belum ada. Setiap pembaharu sosial adalah seorang idealis dalam erti kedua ini, kerana ia merancang dan melakukan sesuatu yang belum ada. Begitu pula mereka yang berusaha mencari perdamaian yang abadi atau menghilangkan kemiskinan juga boleh dinamakan idealis dalam ertian ini. Kata idealis dapat dipakai untuk pujian juga celaan. Seorang yang memperjuangkan tujuan-tujuan yang menurut orang lain mustahil dicapai, atau seseorang yang tidak menghiraukan fakta-fakta dan kondisi sesuatu, dinamakan idealis semata-mata[24].

Ali Syari'ati berpendapat bahawa istilah ideologi terdiri dari kata *Ideo* yang bererti pemikiran, gagasan, konsep, keyakinan, dan kata *log* yang bererti rasio dan ilmu atau pengetahuan. Oleh itu ideologi dapat didefinisikan sebagai ilmu keyakinan dan cita-cita. Menurut pengertian ini, seorang ideolog adalah seorang pembela suatu ideologi atau keyakinan tertentu. Dalam hubungan ini,

---

[23] A.S. Hornby (1985), *The Progressive English Dictionary*, London, Oxford University Press, , h. 128.

[24] Harold MS. Titus/Marilyn S. Smith/.Richard T. Nolan (1979), *Living Issues In Philosophy*, , New York, D. Van Nostrand Company, h.326.

ideologi terdiri dari berbagai-bagai keyakinan dan cita-cita yang dianut oleh suatu kelompok, suatu kelas sosial, suatu bangsa atau ras tertentu[25].

Ideologi bergerak melalui tiga tahap. Tahap pertama adalah melihat dan memahami alam semesta dan hubungannya dengan kewujudan manusia. Tahap kedua adalah memahami dan menilai semua benda, pemikiran atau idea-idea yang membentuk lingkungan sosial dan mental. Tahap ketiga adalah kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan untuk merubah *status quo* yang tidak diinginkan. Pada tahap ketiga inilah suatu ideologi menjalankan misinya dengan cara memberikan pengarahan kepada masyarakat, cita-cita dan rancangan praktikal sebagai dasar perubahan sosial yang dinantikan[26].

Ideologi menuntut seorang *Rausyanfikr* untuk sentiasa berpihak kepada kebenaran. Bagi seorang ideolog, ideologi adalah sesuatu yang mutlak. Setiap ideologi bermula dengan kritikan terhadap *status quo* dalam masyarakat dengan berbagai aspek kebudayaan, ekonomi, politik dan moral yang cenderung melawan perubahan yang diinginkan. Pada tahap ini ia bersifat pasif, dan hanya menghubungkan dirinya dengan mengemukakan konsep-konsep yang ideal sebagai pengganti terhadap konsep usang yang sedia ada dan masih bertahan. Pada tahap ini pulalah pendukung-pendukungnya harus menunjukkan komitmen dan tanggungjawab terhadap ideologi mereka. Komitmen inilah yang akan mendorong mereka untuk bertindak melalui perjuangan-perjuangan dan pengorbanan-pengorbanan.

---

[25] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h.192.

[26] *Ibid*, h.195.

Falsafah mahupun sains tidak memiliki komitmen seperti itu. Sains hanya menggambarkan bagaimana suatu benda jatuh atau menerangkan apa erti dari kekuatan graviti. Ia tidak mempedulikan sama ada orang menolak atau menerima kenyataan itu. Berbeza dengan seorang ideolog seorang ilmuwan tidak akan memaksakan andaiannya pada orang lain; dan jika orang lain tetap berpegang kepada kepercayaan lamanya, dia tidak akan sibuk-sibuk mempersiapkan satu pasukan untuk melawan mereka.

Oleh sebab itu sains ataupun falsafah tidak pernah melahirkan revolusi dalam sejarah. Ideologi-ideologilah yang selalu memberikan inspirasi, mengarahkan dan menerajui pemberontakan - pemberontakan, peperangan - peperangan dan pengorbanan - pengorbanan yang menakjubkan dalam sejarah kemanusiaan. Ideologi pada hakikatnya mencakup keyakinan, tanggungjawab, keterlibatan dan komitmen[27].

Ideologilah menurut Ali Syari'ati yang membentuk tamadun dan budaya dalam masyarakat. Bukan sastera, falsafah, seni, sains ataupun teknologi. Beliau berkata:

> Ideologilah yang membentuk masyarakat. Apakah yang dimaksud dengan ideologi? yakni kesedaran diri tertentu seorang manusia tentang keimanan. Jika kita membicarakan kebudayaan China, kita tidak akan menyebut ahli-ahli fizik ataupun arkitek-arkiteknya. Sebaliknya kita akan berbicara tentang Lao Tse dan Confusius. Jika kita mempertanyakan faktor-faktor apa yang telah memperkuat semangat bangsa India dalam menciptakan karya-karya ilmiah dan seni-seni mereka, kita haruslah mengingat Uphanisad, Veda dan Buddha. Semangat dan keindahan budaya Parsi klasik pula diilhami oleh doktrin-doktrin Zoroaster, dan dia bukanlah orang yang membangun kuil atau batu-batu pahatan. Siapakah yang menciptakan budaya Parsi sehingga suku-suku Aria yang liar dan

---

[27] *Ibid*, h.198.

> menyembah alam tiba-tiba mendapatkan keimanan baru yang segar dan melahirkan penyair-penyair, ahli falsafah dan seniman-seniman agung? Jawapannya adalah tokoh-tokoh yang memiliki kesedaran tinggi dan bukan ahli falsafah, ahli fizik, arkitek, sasterawan, ataupun politikus. Demikian juga halnya dengan tamadun dan kebudayaan Barat. Begitu ramai orang yang dijajah dan mati di bawah feodalisme abad pertengahan. Siapakah yang mencetuskan semangat ke dalam penduduk asli Barat? Kebudayaan dan tamadun Kristian tidak diciptakan oleh Santo Euqene, Machiavelli ataupun Da Vinci. Pemikiran mereka hanyalah bunga-bunga di atas tanah yang subur. Justeru Nabi Isa a.s, seorang penggembala buta huruf yang mencetuskan api semangat ke dalam jiwa yang beku dari umat tertindas pada abad-abad tersebut.[28]

Ali Syari'ati memberikan contoh pertumbuhan tamadun Madinah yang menakjubkan sejarah manusia. Semasa Mesir menjadi pusat tamadun manusia dan Alexandria menjadi kota yang mewarisi tradisi Athena dan Romawi, Madinah hanyalah satu kampung yang tidak terkenal di padang pasir semenanjung Arabia. Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.. bangunan yang paling besar adalah masjid Nabawi yang tiang dan atapnya terbuat dari batang dan daun kurma. Di seluruh kota Madinah tidak terdapat perpustakaan ataupun sekolah. Penduduk *kampung* ini hanya cekap dalam dua hal, berladang kurma dan menggembala kambing.

Marilah kita tengok tiga pusat tamadun pada masa itu: *Ctesiphon* pusat imperium Parsi; *Alexandria*, pusat tamadun Timur dan Barat yang juga merupakan puncak tamadun manusia; dan Madinah sebuah kampung kecil tanpa perpustakaan, sekolah, universiti, binaan hasil seni arkitek yang halus, seni ataupun teknologi.

Namun marilah kita tengok kembali Madinah seratus tahun kemudian. Ia telah jauh mendahului kebudayaan-kebudayaan Timur dan Barat dan menjadi

---

[28] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h. 57.

penasihat terhadap seluruh pemikiran di seluruh dunia. Orang-orang biasa di sana menterjemahkan dan mengumpulkan semua pengalaman manusia yang pernah ada, dari karya-karya falsafah hingga teknik. Iran, Romawi, dan India mewariskan falsafah, sastera, seni dan lain-lain ke Madinah. Dari kota inilah lahir guru-guru besar kemanusiaan. Cteshipon dan Hamadan[29] , yang dahulunya adalah pusat-pusat tamadun Parsi telah runtuh. Kemudian secara mantap bermunculan pusat-pusat tamadun baru yang bernafaskan Islam di Kufah, Basrah, Bukhara, Parsi, Samarkand dan Ray[30]. Ali Syari'ati berkata:

> Dari Mesir hingga Asia kecil, Parsi, India hingga Pasai, orang-orang Islam dengan ideologinya telah melahirkan tamadun-tamadun baru. Bermunculan genius-genius besar Muslim dalam seluruh lapangan kajian ilmu pengetahuan. Al Kindi (m. 873 M), al-Farabi (m. 950 M), Ibn Sina (m. 1037 M), al-Khawarizmi (m. 863 M), Ibn Haitham (m.1039 M) dan sejumlah nama-nama yang tak terkira jumlahnya.[31]

Dalam hubungannya dengan ideologi, Islam sebagai agama besar di dunia selalu muncul dalam dua wajah yang selalu berlawanan. Pertama sebagai ideologi keimanan yang murni, Menurut Ali Syari'ati Islam dalam penampilan ini ia mengarahkan para pengikutnya untuk berjuang dan berkorban bagi mencapai tujuan yang mereka cita-citakan. Sedangkan wajah Islam yang kedua adalah sebagai tradisi daerah atau semangat kolektif suatu kelompok.[32]

Islam jenis ini melahirkan kebekuan, kemerosotan dan kehilangan halatuju. Ketika Islam hanya ditampilkan dalam sempadan-sempadan geografik maka ia bukan lagi merupakan ideologi. Ia menjadi tradisi sosial biasa atau suatu

---

[29] Kufah dan Basrah adalah bandar lama di Iraq yang masih ada sampai sekarang; Bukhara,Samarkand dan Balkh adalah kota-kota yang terkenal di Asia tengah.

[30] Ctesiphon adalah pusat kerajaan Parsi lama.

[31] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h. 62.

[32] *Ibid.*, h. 67

bahagian kejumudan dalam masyarakat.[33] Dalam sejarahnya, Islam juga pernah menampilkan realiti anti-humanistik, akan tetapi juga menampilkan secara berlawanan realiti humanistik yang luhur berdasarkan kebenaran, cita-cita, dan cinta. Terakhir adalah Islam yang sebenarnya, sebagai arah dan falsafah utama spirit dari gerakan yang benar. Namun sayang sekali Islam dalam bentuk ini tidak diperbolehkan berkembang dalam sejarah oleh penguasa yang mengatasnamakan Islam sebagai lembaga dan undang-undangnya. Malah di tengah-tengah umat Islam sendiri kebenaran dan cita-cita Islam sering dikorbankan untuk menyelamatkan segelintir manusia

Untuk memilih suatu keyakinan (ideologi) seseorang tidak bererti harus mempelajari seluruh ideologi satu persatu, atau membandingkan semua agama bersama-sama dan kemudian menemukan satu yang paling meyakinkan di antara semua. Model pendekatan ini adalah cara akademik yang didasarkan atas kajian dan seleksi ilmiah. Sedangkan metodologi ilmiah berbeza dengan metodologi ideologi, sebagaimana halnya ilmu berbeza dengan ideologi. Dalam hal ini metode yang diambil oleh ideologi berbeza dengan metodologi yang dikembangkan oleh sains. Metodologi ilmiah didasarkan atas kajian, proses eksperimen, analisis dan teori. Sedangkan ideologi tidak meliputi proses semacam itu. Ideologi seperti halnya cinta, memiliki daya tarik dan pengharum. Ia menarik orang sebagaimana halnya cinta.

Sepertimana cinta, ia tidak diukur dengan kriteria baik dan buruk. Cinta tidak pernah diukur, dibandingkan ataupun dikaji terlebih dahulu sebelum dianut. Ideologi adalah cinta dan keyakinan. Di hadapannya seseorang merasa seluruh

---

[33] *Ibid.*, h. 93.

kehidupannya mencair dan larut. Tetapi ini bukan bererti suatu penyerahan buta terhadap keyakinan. Dianggap sebagai suatu penyerahan, ideologi juga mencakup unsur-unsur memilih dari seseorang yang didasarkan atas kecerdasan dan kesedaran dan keyakinan orang tersebut. Keyakinan adalah unsur utama dalam memilih ideologi. Metodologi sains tidak diperlukan.[34]

Ali Syari'ati membantah bahawa ideologi ditegakkan dan dibangun oleh falsafah. Falsafah tidak dapat diterima sebagai sumber bagi ideologi kerana kosong dari tujuan-tujuan praktikal. Seandainya manusia ingin juga menciptakan ideologi yang didasarkan atas falsafah tertentu, maka yang akan muncul adalah ideologi teoritis yang tidak bermanfaat langsung bagi masyarakat.

Dan jika memang ideologi berasal dari falsafah tentulah pemimpin-pemimpin agama-agama besar di dunia adalah ahli falsafah. Sejarah tidak berkata demikian. Kelompok-kelompok yang menyandarkan hidupnya pada ideologi dan berjuang sebagai pembela-pembela keimanan selalu berasal dari golongan rakyat biasa, bukan dari kalangan ahli falsafah. Hanya para Nabi sahaja yang memperkenalkan keimanan dan menghembuskannya menjadi keyakinan-keyakinan yang hidup, kemudian memimpin masyarakat untuk mewujudkannya. Bahkan kata *Ummi* yang disifatkan ke atas Nabi s.a.w. menunjukkan bahwa baginda berasal dari rakyat jelata, dan bukan dari golongan ahli falsafah, pensyarah, penyair mahupun penguasa.[35]

---

[34] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h. 214.

[35] Ali Syari'ati(1985), *op.cit.*, h. 80.

Hanya Islamlah menurut Ali Syari'ati, satu-satunya ideologi yang menolak aristokrasi, ketidakadilan, pengekelasan sosial, tirani dan monopoli. Islam sebagai suatu ideologi telah membawa susunan sosial baru yang dibangun di atas keadilan dan persamaan.

> Saat ini di Afrika, Islam telah muncul sebagai ideologi. Islam dipilih oleh berjuta-juta penduduk asli Afrika. Agama Katolik yang telah menghabiskan berbilion dollar untuk menarik lebih banyak pengikut ternyata telah gagal di sana. Meskipun dari segi pentadbiran dan pendanaan dakwah Islam jauh tertinggal, dalam lima orang yang bertukar keyakinan di Afrika, empat daripadanya memeluk Islam. Hanya seorang diantara mereka yang masuk Katolik, itupun kebanyakan adalah para pekerja kilang, syarikat, dan orang-orang yang bekerja di kedutaan-kedutaan Barat. Dalam beberapa kes jelas sekali bahawa pertukaran agama kepada Kristian semata-mata disebabkan keperluan kewangan yang kemudian diatasi dengan cara menerima agama majikan-majikan mereka. Kegiatan dakwah Kristian tersusun secara rapi dan mantap, sementara Islam tidak memiliki satupun organisasi dakwah yang berkualiti. Da'i Islam yang ada hanyalah orang-orang miskin yang berdedikasi dan membaktikan dirinya untuk menyebarkan kalimat Allah diantara penduduk asli Afrika. Al-Quran tidak diterjemahkan ke dalam satupun bahasa pribumi Afrika, sedangkan Bible telah diterjemahkan ke dalam hampir seluruh bahasa peribumi. Walau bagaimana pun Islam ternyata telah berjaya menarik mereka jauh lebih banyak dibandingkan ideologi manapun[36].

Seorang berkulit hitam yang memilih Islam menyedari kenyataan bahawa islam dalam konsep ataupun tindakan telah terbukti menentang diskriminasi perkauman. Islam sejak awal perjuangannya telah dilatih untuk bertolak ansur terhadap agama-agama lain.

Seorang *Rausyanfikr* Muslim harus membabitkan dirinya dengan ajaran Islam. Kerana Iman (ideologi) dan *Rausyanfikr* saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Ideologi dapat membantu seorang *Rausyanfikr* untuk menemukan karakteristik dari perjuangan yang tengah dilakukannya. Ia harus

---

[36] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h. 207.

memahami bahawa kekuatan yang dapat menolong kaum lemah adalah kekuatan ideologi atau keyakinan. Yang zalim boleh sahaja kuat dan memerintah dunia, tetapi ia tidak akan dapat mengimbangi kekuatan iman atau ideologi. Sejarah dunia telah menyaksikan bahawa gerakan-gerakan ideologilah yang membasmi kekuatan-kekuatan kebatilan di muka bumi.

Ideologi dan keimanan manusia telah melahirkan berbagai revolusi dan kebangkitan-kebangkitan yang berkesan dalam melawan berbagai-bagai sistem tirani dan kekuatan-kekuatan penindas yang telah berlaku kejam terhadap kemanusiaan selama berabad-abad. Dalam bentuknya yang aktif ideologi atau keimanan dapat dipandang sebagai pencetus keajaiban ke atas berbagai-bagai bangsa yang telah lama tertidur. Ideologi bagaikan *trompet Israfil* yang membangkitkan bangsa daripada kuburan sejarah. Dengannya mereka sedar dan bangkit membentuk satu kekuatan untuk lahir kembali sebagai bangsa yang disegani. Ideologi merupakan gerakan, revolusi, kehancuran dan kebangkitan. Kekuatan yang menjananya dari belakang adalah para *Rausyanfikr*. [37]

Ali Syari'ati melanjutkan bahawa gerakan-gerakan besar yang dipimpin oleh para Nabi semenjak zaman pra-sejarah sampai masa Nabi Muhammad s.a.w., sebagai rasul Allah yang terakhir, adalah gerakan-gerakan ideologi yang bermaksud menimpin dan menerangi kehidupan manusia. Para Nabi yang berjuang untuk menyalakan keyakinan dalam dada umat adalah *Rausyanfikr*. Sebahagian mereka hanya berasal dari kalangan penggembala dan rakyat biasa yang buta huruf. Namun merekalah yang menjadi penolong bagi kaum

[37] *Ibid*, h. 226.

yang tertindas. Untuk itu mereka sanggup berhadapan dengan para penguasa yang zalim di zamannya.

Pada masa Nabi Muhammad s.a.w. di Jazirah Arabia terdapat beberapa kelas masyarakat: peniaga, penyair, ahli bahasa, pendatang, pemburu, tukang cerita dan lain-lain. Namun Nabi s.a.w. bukanlah termasuk salah satu dari kelas tersebut. Baginda orang biasa yang tidak termasuk ke dalam golongan terpelajar. Setelah baginda melengkapi dirinya dengan ideologi dan keyakinan yang mantap, ia menjadi penyelamat bagi umatnya, dan muncul sebagai rasul baru yang menyinari kemanusiaan.

Nabi-nabi dan ideologi keimanan yang dibawanya berusaha membangkitkan fikiran masyarakat yang sedang tidur dan melahirkan semangat dan gerakan bagi zaman yang mati. Mereka adalah *Rausyanfikr* yang mempercepat lajunya gerakan reformasi rakyat yang lambat. *Rausyanfikr* hadir untuk meluruskan jalan sejarah manusia yang telah terpesong dari tujuannya. Mereka adalah pemimpin dan pembina masyarakat yang jauh lebih baik. Sementara para intelektual biasa, ahli falsafah dan artis seringkali mengampu dan mengabdi kepada kekuatan-kekuatan yang sedang berkuasa pada zaman mereka.

Ideologi yang dilaungkan oleh *Rausyanfikr* berkembang dari tengah-tengah masyarakat. Ia tercetus hasil daripada penderitaan, rasa sakit dan kesengsaraan masyarakat. Ideologi adalah amanah dan pesan Ilahi yang dihidupkan kembali untuk membangkitkan semangat masyarakat yang tertindas, agar bangkit dan merebut kembali hak-haknya.

Pada zaman sekarang *Rausyanfikr* adalah wakil para Nabi untuk masyarakat yang menderita. Ia boleh sahaja berasal dari kalangan pekerja, petani; ia

boleh sahaja seorang yang tidak terpelajar atau terpelajar, seorang sarjana, guru, ahli sains atau ahli falsafah. Ideologi dan keyakinan yang murni akan membentuk dirinya sebagai *Rausyanfikr* yang memenuhi cita-cita masyarakat.

Kalangan terpelajar memang boleh menjadi titik awal yang paling efektif bagi ideologi-ideologi, namun rakyatlah yang boleh membawa ideologi tersebut menjadi tindakan dan membawa hasil yang menjayakan. Oleh sebab itu setelah zaman kenabian berlalu para *Rausyanfikr* harus berkebolehan untuk membawa, membina dan menyinari masyarakat dengan kekuatan ideologi.

Generasi terpelajar di dunia Islam, harus memilih ideologi Islam dan menghentikan peniruan terhadap ideologi-ideologi Barat yang dibawa masuk ke dalam masyarakat. Sebaliknya generasi terpelajar di dunia Islam juga tidak boleh menyanjung tradisi yang menyalahi ideologi.

> Pada masa sekarang kehidupan kita berada di persimpangan jalan, antara warisan sejarah yang kita banggakan dengan produk budaya yang dipaksakan oleh Barat untuk kita terima. Sebagai anggota dari generasi ini, saya harus melakukan pilihan atas ideologi saya sendiri. Caranya adalah dengan mengambil hakikat dari pengalaman dan ideologi yang ada serta bahan-bahan dari agama dan budaya Islam sendiri. Saya akan membina keyakinan untuk membangkitkan generasi saya yang telah kehilangan iman. Pendekatan yang saya pilih inilah yang akhirnya mempertemukan saya dengan Islam. Bukan Islam yang memacu kemunculan ahli teologi, melainkan Islam sebagai ideologi yang mendorong para mujahid. Bukan Islam dalam sekolah-sekolah *mutakallimin* (ahli kalam), dan bukan pula dalam tradisi masyarakat biasa, akan tetapi Islam dalam jubah Abu Zar[38]

Para *Rausyanfikr*, dengan amanat yang diberikan oleh ideologi harus melibatkan dirinya untuk menjana penentangan dan revolusi terhadap segala bentuk kezaliman di muka bumi. Ia harus bersiap untuk melakukan pengorbanan demi kemanusiaan. Sebab ideologi (keimanan) telah

---

[38] *Ibid*, h. 229

menganugerahkannya kemantapan, keyakinan, keterlibatan, tanggungjawab dan komitmen. *Rausyanfikr* adalah *insan kamil* (manusia sempurna) yang memiliki kecerdasan dalam otaknya dan mempunyai keimanan dalam hatinya. Berikut ini adalah gambaran Ali Syari'ati tentang *Rausyanfikr* sebagai Insan kamil :

> Dia adalah manusia yang keasyikan falsafah tidak membuatnya terlupa akan nasib kemanusiaan, dan keterlibatannya dalam politik tidak membawanya kepada penghasutan atau mencari kemasyhuran. Pandangan sains tidak mengurangkan rasa keimanannya, dan keteguhan imannya tidak mengurangi kekuatan pemikiran logiknya. Kesolehan tidak membuatnya menjadi pertapa yang pasif, manakala keaktifan dan tanggungjawab tidak menodai tangannya dengan kebejatan moral.
>
> Dia adalah manusia jihad dan ijtihad, puisi dan pedang, kesunyian dan komitmen, emosi dan kecerdasan, kekuatan dan cinta, keyakinan dan pengetahuan. Dia adalah manusia yang menggabungkan semua dimensi sejati kemanusiaan, Dia adalah manusia yang hidup tidak dalam satu dimensi. Pengabdiannya yang terus menerus kepada Allah S.W.T. membebaskan dirinya dari pengabdian kepada benda-benda dan manusia. Ketaatannya kepada kehendak mutlak Allah, memerintahkannya untuk memberontak kepada segala bentuk paksaan. Dia adalah manusia yang telah melaburkan eksistensi dirinya kepada identiti abadi kemanusiaan. Melalui peniadaan diri, dia menemukan keabadian.[59]

3.3 Antara Ilmuwan, Ahli falsafah dan *Rausyanfikr*

Di abad moden ilmu atau sains merupakan kajian yang lepas dari ideologi atau sistem keyakinan tertentu. Sains adalah pengetahuan manusia tentang alam zahir. Sains pernah dinamakan akal murni yang dilatih dan diorganisasikan. Sifat sains atau ilmu yang utama adalah pengamatan yang tepat dan jitu mengenai benda-benda dan kejadian-kejadian. Kata sains berasal dari bahasa latin *scire* (mengetahui). Dan di masa sekarang kata sains dipakai dalam ertian yang lebih sempit, iaitu pengetahuan terhadap alam yang kuantitatif dan objektif. Pengetahuan semacam ini tanpa pemikiran tentang aplikasinya

---

[59] *Ibid*, h.233

praktikal biasanya dinamakan *basic or pure* science Jika pengetahuan sains dipakai untuk keperluan-keperluan praktikal, maka ia dinamakan *applied science*. Perkembangan ilmu atau sains merupakan salah satu dari keberhasilan-keberhasilan terbesar dari akal manusia. Tanpa pengetahuan tentang perkembangan sains adalah sulit memahami sejarah moden.[40]

Ilmu merupakan pengetahuan yang menjelaskan rahsia alam agar gejala alamiah tidak lagi merupakan misteri. Untuk itu ilmu membatasi kajiannya pada pengalaman empirik manusia. Sesuatu yang *pra-pengalaman* dan *post pengalaman* seperti penciptaan manusia dan kejadian selepas kematian diserahkan oleh ilmu kepada bidang pengetahuan lain.[41]

Ilmu menafsirkan realiti objektif daripada suatu kajian dengan prinsip "sebagaimana adanya". Ini membuatnya bebas dari segenap nilai yang bersifat dugaan sama ada nilai tersebut bersumber dari moral, ideologi atau kepercayaan. Dengan demikian ilmu atau sains bersempadan jauh dengan keyakinan.[42]

Dalam usaha untuk menyelesaikan sesuatu masalah sains tidak berkiblat kepada perasaan manusia. Sebaiknya ia berpandu kepada fikiran yang didasari atas pentaakulan kaedah ilmiah. Masalah yang dihadapi ilmu adalah bersifat zahiriah dengan sempadan dunia yang nyata. Agama berbeza dengan ilmu, ia membahas objek - objek di luar pengalaman empirik manusia seperti penciptaan, kematian dan hari kebangkitan. Kaedah yang dijalani oleh kedua

---

[40] Titus, Smith, Nolan (1976), *op.cit.*, h. 255.

[41] Jujun S. Suriasumantri (1984), *Filsafat Ilmu (Sebuah Pengantar Populer)*, Jakarta, Penerbit Sinar Harapan, h. 91.

[42] Jujun S. Suriasumantri (1987), *Mencari Alternatif Pengetahuan Baru*, Pengantar untuk buku A.M. Saefuddin, *Desekularisasi Pemikiran*, Bandung, Mizan, ,h.15.

bidang pengetahuan manusia ini sangatlah berbeza. Ilmu dimulai dengan fakta dan diakhiri dengan fakta pula. Teori ilmiah adalah dimana pendekatan *rasionalisme* digabungkan dengan pendekatan *empirisme*. Dengan proses penggabungan ini lahirlah apa yang disebut kaedah ilmiah.

Teori ilmiah mensyaratkan dua hal utama : (1) harus konsisten dengan teori-teori sebelumnya yang memungkinkan tidak terjadinya kontradiksi dalam teori keilmuan secara keseluruhan ; dan (2) harus sesuai dengan fakta-fakta empirik. Sebab bagaimanapun konsistennya satu teori seandainya tidak didukung oleh pengujian empirik ia tidak boleh diterima sebagai kebenaran ilmiah. Jadi logik ilmiah merupakan gabungan antara logik *deduktif* dan logik *indukif*.[43]

Jalan berfikir yang terhimpun dalam metodologi ilmiah dapat dihuraikan dalam beberapa langkah yang mencerminkan tahap-tahap dalam falsafah ilmu disebut dengan istilah "pengesahan hipotesis secara logik". ini terdiri dari hal-hal sebagai berikut :

1. Perumusan Masalah; merupakan pertanyaan mengenai objek empirik yang jelas batas-batasnya serta dapat dikenalpasti unsur-unsur yang terkait di dalamnya.
2. Penyusunan kerangka berfikir dalam mengemukakan hipotesis; ia merupakan argumentasi yang menjelaskan hubungan yang mungkin terdapat antara berbagai faktor yang mungkin terlibat dan membentuk konstelasi permasalahan. Kerangka berfikir ini disusun secara rasional berdasarkan premis-premis ilmiah yang telah teruji kebenarannya dengan memperhatikan faktor-faktor empirik yang relevan dengan permasalahan.

---

[43] Jujun S. Suriasumantri (1987), *op.cit.*, h. 124.

3. Perumusan Hipotesis; merupakan jawapan sementara atau dugaan terhadap pertanyaan yang materinya merupakan kesimpulan dari kerangka yang dikembangkan.
4. Pengujian Hipotesis ; merupakan pengumpulan fakta-fakta yang relevan dengan hipotesis yang diajukan untuk memperlihatkan apakah terdapat fakta-fakta yang mendukung hipotesis tersebut atau tidak.
5. Penarikan Kesimpulan; merupakan penilaian apakah sebuah hipotesis yang diajukan diterima atau ditolak. Sekiranya dalam proses pengujian terdapat cukup fakta yang mendukung hipotesis maka hipotesis tersebut diterima. Sebaliknya jika tak terdapat cukup fakta untuk mendukungnya maka hipotesis tersebut ditolak. Hipotesis yang diterima kemudian dianggap sebagai pengetahuan ilmiah, sebab telah memenuhi persyaratan keilmuan yakni mempunyai kerangka penjelasan yang konsisten dengan pengetahuan sebelumnya yang telah teruji kebenarannya.[44]

Dengan melihat karakteristik ilmu di atas, agar objektifiti boleh dipertahankan, seorang ilmuwan harus bersikap netral dan terlepas dari sistem nilai manapun yang akan mempengaruhi hasil penelitiannya. Tiang utama sains moden adalah rasionalisme dan empirisme yang membatasi pemikiran manusia pada sistim logik dan pembuktian. Metode sains hanya melakukan pengkajian terhadap realiti nyata; baik realiti sosial, individual, bahkan juga keagamaan. Umumnya sains membatasi wilayah pendekatannya lewat tradisi yang bersifat empirik, duniawi, secular, humanistic, pragmatik, utilitarianistik dan hedonistik, dengan mengabaikan kekuatan ghaib yang menggerakkan alam semesta. Sebab itulah menurut Robert Biersted :

---

[44] *Ibid*, h. 128.

> Seorang ahli sains yang murni tidak mempunyai pilihan etika, keagamaan, politik, sastera, falsafah, moral atau status perkawinan. Sebagai seorang ahli ilmu ia tidak mempunyai perhatian tentang apa yang baik dan apa yang buruk, apa yang benar dan apa yang salah. Akan tetapi perhatiannya adalah hanya kepada yang betul dan apa yang keliru .[45]

Hampir serupa dengan pendapat-pendapat di atas, Ali Syari'ati juga mengatakan bahawa sains dalam realitinya yang muncul dalam sejarah telah menjadi salah satu faktor yang merintangi manusia untuk mendekat dan memahami dirinya sendiri. Ilmu menjadi penghalang yang membuat manusia menjadi semakin terasing dari kemanusiaannya. Di abad ini dimana peranan sains atau ilmu sudah menjadi sedemikian penting, ternyata ilmu telah menjadi alat bagi terselenggaranya penghambaan tersembunyi:

> Pasar hamba yang sebenarnya kini tidak lagi berada di Afrika atau di Amerika Selatan, melainkan di institusi-institusi ilmiah dan di univeristi-universiti seperti Camridge, Harvard atau Sorbone. Di pasar-pasar ilmu seperi ini para hamba diperjualbelikan dalam bentuk baru. Kepakaran dan intelektual manusia diperdagangan prestij mereka pula dilelong di tengah para pembeli yang terdiri daripada tuan-tuan pemilik empayar industri. Mereka mengirimkan satu, dua atau tiga utusannya untuk menyemarakkan lagi tawar menawar bursa tenaga kerja ilmiah yang disuarakan secara lantang.[46]

Sains bagaimanapun tingkat kejayaan yang telah dicapainya, telah dikuasai oleh pemilik modal dan harta. Berbagai aliran pemikiran dan kediktatoran telah memperalat ilmu dan ilmuwan untuk mencapai tujuan-tujuan mereka. Para ilmuwan seperti dipaksa untuk melepaskan seluruh kesetiaannya terhadap tujuan tujuan utama sains. Ambillah Hitler sebagai contoh. Dia pernah mengumpulkan lima ratus tokoh ilmuwan dan ahli falsafah German, kepada mereka diperintahkan: "Apa yang aku katakan kepada kamu harus

---

[45] Titus ,Smith, Nolan (1976), *op.cit. h.*154

[46] Ali Syari'ati (1985), *Matlabaatu Insaanu al Yaumi, terj.*, Mochtar Zoerni, Bandung, Salahuddin Press, h. 38.

dipatuhi sebagai ketetapan ilmiah, sebab kita belum tahu apa hakikat sebenarnya dari ilmu itu. Apa yang aku katakan adalah bangkitkan ruh *nasionalisme* dan *patriotisme*. Jadikan ia dalil ilmiah".[47]

Dalam kes ini menurut Ali Syari'ati, kita melihat ilmu terpesong jauh dan sesat. Ilmu gagal memenuhi matlamatnya dan terperangkap dalam cengkaman kejahilan. Ia tidak lagi memenuhi kegunaannya sebagai pelita, pemandu atau sebagai alat untuk meringankan beban-beban kemanusiaan. Ilmuwan-ilmuwan yang bergelut dalam teori-teori ilmiah telah dihancurkan dengan komitmennya terhadap nilai-nilai utama moral sains[48].Ia diarahkan dan dimanfaatkan oleh pemilik modal dan kekuasaan.

Abad ke-20 adalah abad kemunduran besar bagi etika keilmuan. Abad dimana telah muncul kalangan manusia yang mabuk kekuasaan dan wang. Dengan kekuasaan dan wang mereka telah berjaya menguasai pemikiran-pemikiran ilmuwan-ilmuwan dan para ahli falsafah abad ini. Mereka secara jahat telah menyesatkan fikiran ilmiah abad ini ke arah pandangan umum bahawa sains adalah netral dan tidak berpihak, tidak berhubungan dengan keperluan-keperluan manusia yang lebih tinggi. Sains atau ilmu menurut mereka tidak lagi berminat dengan idealisme yang harus diperjuangkannya, ia hanya berminat dengan apa yang telah ada.

Dengan menjatuhkan darjat ilmu, para pemikir dan ilmuwan telah mengetepikan diri mereka daripada cita-cita luhur kemanusiaan dan tuntutan-tuntutan yang lebih mulia. Mereka telah mengabdikan diri untuk

---

[47] *Ibid.*, h. 40.
[48] *Ibid.* h. 54

wang dan kekuasaan sehingga ruang bergerak mereka dibatasi oleh dinding makmal, lembaga-lembaga akademik, syarikat-syarikat kapitalistik dan sebagainya. Akhirnya ilmu tidak lagi bebas merdeka untuk mengabdi kepada kebenaran dan membimbing cita-cita manusia.

Disamping itu, parti-parti politik dan kekuatan yang sedang berkuasa seringkali cenderung menjerat kaum ilmuwan, penulis, penyair, artis, dan ahli falsafah yang tidak konsisten dengan sumpahnya. Dan parti-parti itulah yang telah mengalahkan tujuan-tujuan masyarakat untuk mencapai kepentingan-kepentingan dan tujuan mereka. Pada abad ini sains atau ilmu telah dileburkan dengan wang.[49]

Gagasan bahawa ilmu tidak diharapkan untuk memberikan penyelesaian, mengemukakan usulan-usulan, melemparkan protes, dan menyiapkan masa depan pada dewasa ini merupakan pemikiran yang merata dianuti oleh universiti-univeristi moden seperti Sorbonne, Harvard, Cambridge, Oxford dan lain-lain. Ini adalah kecendrungan kontemporer ; ilmu dianggap hanya bertanggungjawab atas fakta-fakta eksternal, analisis dan kajian objektif. Ilmu telah dikekang agar tidak memberikan pemecahan atas masalah manusia dan masyarakat, ilmu tidak diperbolehkan untuk membangkitkan rakyat yang menderita, membimbing semangat rakyat yang sengsara, mengarahkan revolusi mereka, membantu mereka menemukan jalan kemajuan dan pertumbuhan, mencapai tujuan dan cita-cita mereka.[50]

---

[49] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h. 218.
[50] *Ibid.*, h. 219.

Netraliti sains, sebagai produk ganjil dari abad ini telah menyebabkan para genius, ahli fizik, psikolog dan ahli-ahli statistik, menjadi kaki tangan upahan dan sarjana-sarjana yang dibeli oleh kapitalisme dan kekuasaan yang mewakili sistem diktatorial di dunia. Dengan demikian ilmu telah memutuskan hubungannya dengan ideologi dan ilmu terus-menerus mencela ideologi.

Banyak intelektual abad ini yang berburuk sangka dengan ideologi. Mereka memandang rendah keimanan; kebanyakan kaum intelektual menegaskan bahawa keimanan bukanlah masalah yang perlu dibahas. Bagi mereka keimanan dan keyakinan agama adalah masalah yang sudah selesai. Mereka menyatakan bahawa di Eropah masalah keimanan telah menjadi pertentangan yang membosankan dan tak berharga. Intelektual-Intelektual semacam ini cenderung menjadi pasif dan mengabaikan nilai-nilai moral[51]

> Pada masa sekarang ini ilmu dianggap hanya untuk ilmu, seni untuk seni, dan menulis untuk menulis. Tidak ada hubungan antara kesemuanya itu dengan agama dan ideologi. Kemanusiaan telah diasingkan dari manfaat ilmu. Mereka dipisahkan dengan orang-orang pintar di kalangan mereka, sehingga kaum intelektual tidak berkeinginan membimbing masyarakatnya. Apakah gunanya seorang ahli sosiologi jika dia tidak mampu memberitahu bagaimana harus membentuk masyarakat dan menyelesaikan persoalan-persoalan sosial dalam masyarakatnya, akibat terkurung dalam satu jawatan di universiti, mengajar dan menganalisis sosiologi secara terpisah dalam dinding bilik kuliah? Sosiolog semacam ini hanya akan menjadi alat bagi penguasa.
>
> *Saya diberitahu bahawa beberapa ahli sosiologi diundang untuk mengajar di universiti, tetapi kemudian beberapa orang pensyarah menolak* pengangkatan mereka. Alasannya adalah kerana ahli sosiologi tersebut mempunyai keyakinan ideologi yang pasti akan merosakkan kebebasan ilmiahnya sebagai seorang ahli sosiologi. Saya kenal dengan orang tersebut dan memang dia adalah seorang pakar yang sangat menguasai bidangnya. Tetapi keyakinan agamanya digunakan untuk menolak karyanya sebagai ahli sosiologi. Untuk mendapatkan kelayakan akademik seorang ahli sains harus mengosongkan dirinya dari keyakinan, tujuan dan idea-idea. Ini bererti ia tidak boleh berfikir secara kritis terhadap

[51] *Ibid*, h. 195.

> sistem penguasa, atau mengajukan usulan-usulan reformatif untuk perbaikan sistem itu. Jika itu dilakukan bererti ia tidak peduli terhadap nasib dan cita-cita masyarakat.[52]

Sebagaimana telah diketahui, slogan netraliti sains juga dijelaskan pada kaum ilmuwan dan intelektual di negara-negara membangun. Dan prinsip ini diulang-ulang secara terus-menerus di universiti-universiti. Ini adalah tragedi dari zaman ini , suatu tragedi yang kesudahannya melahirkan rasuah, kolonialisme dan perang.

Inilah abad dimana keyakinan dan keimanan telah dipecah-pecah dan dikalahkan, sehingga kekuasaan boleh berjaya melalui kekuatan ketenteraan. Dan keyakinan baru ini lebih kuat dari keyakinan lama. Di abad inilah ilmuwan telah kehilangan keyakinan terhadap tujuan mulia dari sains. Kehilangan kesedaran sosial dan ilmiah yang sebenar telah membuat mereka kalah dan mempermudah kekuatan-kekuatan yang sedang berkuasa memerintah dengan leluasa.

Hanya *Rausyanfikr*lah menurut Ali Syari'ati yang menjadi ancaman bagi kekuatan-kekuatan yang memerintah dan sistem kapitalistik. Sebab dia bukan ilmuwan moden yang menjual dirinya kepada pemerintah, korporat dan kekuatan-kekuatan besar lainnya, untuk memperoleh gaji yang tinggi dan kemewahan, tetapi harus menghamba dan menghinakan diri di hadapan tuannya. *Rausyanfikr* tidak akan menggadaikan harga dirinya untuk kapitalisme dan fasisme. Ia akan menolak untuk mengatakan bahwa ilmu dan ilmuwan adalah netral. Ia bertugas untuk merubah *status quo*. Agama akan menjelaskan kepada seorang *Rausyanfikr* tentang tahap-tahap sosio-historik, geografik dan politik terhadap para pembela *status quo*[53].

---

[52] *Ibid.*, h. 222.

[53] Ilmuwan-ilmuwan yang menjual keimanannya dan mengabdi kepada penguasa yang zalim, bagi Ali Syari'ati adalah sama dengan Haman dimasa Fir'aun yang menggunakan agama untuk menipu masyarakat.

Agama memberikan jawapan terhadap berbagai masalah yang berkaitan dengan masalah kemanusiaan, kelas-kelas sosial dan alam semesta.[54]

Sebagaimana halnya sains, falsafahpun menurut Ali Syari'ati telah meninggalkan tujuan utamanya memperbaiki sistem sosial atau melepaskan masyarakat dari penindasan. Falsafah bersempadan jauh dari agama. Falsafah ditakrifkan oleh Ali Syari'ati sebagai suatu usaha pencarian ke arah memahami sesuatu yang bersifat umum dan belum diketahui, yang tidak terjangkau oleh sains atau ilmu. Topik-topik falsafah menjelajahi bidang kawasan yang luar biasa; nasib manusia, makna kewujudan, pertumbuhan manusia, tujuan penciptaan, posisi dan status manusia di alam semesta, dan lain sebagainya. Ilmu atau sains tidak berhubungan dengan kajian-kajian semacam ini, kerana tidak boleh dipecahkan dengan metodologi sains.

Sains atau ilmu berhubungan dengan perincian data, hubungan dan proses yang berlaku antara bermacam-macam benda. Sebaliknya falsafah merpersoalkan kemungkinan-kemungkinan yang ideal, kebenaran dan hakikat sesuatu. Juga substansi, esensi, fenomena dan berbagai konsep yang ada dalam pemikiran manusia.

Falsafah melibatkan dirinya dengan persoalan-persoalan besar. Namun sama ada sains atau falsafah berusaha memahami dan menyingkapkan segala sesuatu yang dianggap belum diketahui manusia. Falsafah berbeza dengan sains kerana apa yang diselidiki falsafah tidak mungkin diuji di makmal ilmu. Bidang bahasan dan kajiannya lebih universal dan

[54] *Ibid*, h. 223.

mendasar. Itu sebabnya falsafah dianggap lebih tinggi tingkatannya daripada ilmu.[55]

Ali Syari'ati membezakan antara ilmuwan, ahli falsafah dan *Rausyanfikr*. Seorang ahli falsafah menurutnya hanya sibuk menghasilkan karya-karya mental sambil mengasingkan diri dari keterlibatan sosial, ia tidak pernah turun untuk menyelamatkan masyarakat dari penindasan dan kezaliman. Sedangkan seorang *Rausyanfikr* bekerja secara aktual untuk memperbaiki dan mengarahkan serta memimpin gerakan rakyat untuk mencapai kemajuan dan kesedaran. Seorang ahli falsafah seperti Aristotle tidak pernah melakukan hal-hal semacam ini. Aristotle dan golongan ahli falsafah yang lain bukan *Rausyanfikr*, kerana mereka tidak pernah mengawali satupun gerakan sosial atau reformasi dalam masyarakatnya.[56]

Seorang *Rausyanfikr* tidak boleh bertindak netral seperti ilmuwan. Ia juga harus menghindari gaya ahli falsafah yang hanya mendiskusikan hal-hal abstrak dan mengelirukan umat. Sebagaimana halnya Nabi Muhammad s.a.w. yang pada mulanya menjalani kehidupannya sebagai pengembala, kemudian peniaga dan berkahwin seperti layaknya manusia biasa. Setelah itu baginda biasa menghabiskan masanya di rumah isterinya Khadijah atau beruzlah di gua Hira'. Tetapi setelah diutus Allah sebagai Nabi, segera baginda turun menuju kota Makkah. Baginda menyampaikan peringatannya di puncak Bukit Safa, di hadapan *Dar al-Nadwah* yang merupakan tempat pertemuan para pemimpin dan penguasa kota Makkah.

---

[55] *Ibid*, h. 195

[56] Ali Syari'ati (1985), *op.cit.*, h.116

Baginda menyatakan penentangannya terhadap tuhan-tuhan palsu yang disembah masyarakatnya. Muhammad s.a.w. menjadikan rumahnya sebagai batu pertama reformasi keimanan yang membawa kepada reformasi sosial, budaya, ekonomi, politik dan seluruh aspek kehidupan lainnya.

Seorang *Rausyanfikr* harus menyedari bahawa ia membawa misi kenabian, ia harus memahami *berhala moden* yang memesongkan perhatian umatnya. Ia harus keluar dari lingkungannya yang terbatas di institusi-institusi pengajian tinggi untuk berhubungan dengan umat. Mereka harus meninggalkan dunia mereka yang subjektif, intelektual, dan artistik, dan mengganti bahasa, istilah, semboyan-semboyan, seni, sastera, semangat, budaya, perilaku, kepekaan, cita-cita dengan pola yang dimiliki oleh rakyat awam. *Rausyanfikr* harus secara kreatif menciptakan revolusi mendasar dalam cara berfikir, pandangan, kesedaran sosial dan pemahaman agama masyarakat mereka. Ia harus menjadi pensyarah yang kata-katanya dimengerti oleh seluruh rakyat.[57]

Rausyanfikr harus kembali kepada nilai-nilai ajaran Islam. Bukan hanya kerana Islam adalah agama umat, pembentuk sejarah, semangat budaya, kesedaran dan pengikat bagi umat, tetapi juga kerana Islam merupakan jati diri rakyatnya. Semasa terjun dalam perjuangan budaya dan spritual melawan budaya lain (Barat); semasa berusaha melepaskan diri dari mengagungkan budaya lain, dan semasa harus berdiri sendiri untuk membangun manusia dan membangkitkan kembali tradisi sejarah dan keaslian intelektualiti, seorang *Rausyanfikr* mesti kembali kepada Islam. Ia harus mencari perlindungan

---

[57] Ali Syari'ati (1988), *op.cit.*, h. 87.

kepada Islam, kerana itulah satu-satunya agama yang melampaui batas geografik, perkauman dan kebangsaan.

Seorang *Rausyanfikr* harus kembali kepada Islam untuk mengisi kekosongan budayanya di abad ini. Dalam memerangi cara penghapusan budaya oleh kaum penjajah. Islam memainkan peranan sebagai faktor anti-kolonialisasi terbesar. Agama ini tidak hanya melawan kolonial tetapi juga menjalankan revolusi intelektual

Seorang *Rausyanfikr* bergerak bukan hanya untuk kebangkitan kembali masyarakat yang telah rosak, merubah halatuju rakyat yang telah jumud, dan memperjuangkan kemerdekaan bangsa. Ia juga tidak berjuang hanya demi menyatukan kembali tradisi-tradisi masa lampau sebagai sarana untuk menemukan jatidiri. Tetapi lebih dari itu adalah agar mampu menghadapi serangan yang tak kenal ampun dari nilai-nilai yang disusupkan Barat dari semua sisi.

Umat harus bersandar kepada Islam kerana menyedarinya sebagai kebenaran yang boleh memenuhi keperluan manusiawi, menjawab pertanyaan-pertanyaan falsafah , dan memberi tempat berlindung bagi ketidakpastian ideologi yang berbahaya dan menghasut, ketidakstabilan dalam nilai-nilai moral, penderitaan, pertentangan, diskriminasi, dan kelemahan-kelemahan sosial.

Umat tidak hanya wajib berpegang teguh kepada "tali Allah" untuk menghadapi bahaya-bahaya terdekat yang ditujukan kepadanya. Tetapi mereka juga mesti bergantung kepada Islam kerana kerinduan manusia abad ini akan nilai *rohani*ah.

Meskipun kenyataannya teknologi telah membawa manusia ke angkasa luar, tetapi di bumi, berkembang pemikiran falsafah yang karut, putus asa dan sia-sia. Akibatnya mereka kehilangan kepercayaan kepada keyakinan lama dan baru, padahal mereka sangat memerlukan keyakinan itu lebih dari sebelumya. Pada puncak pencapaian ilmu pengetahuan yang dahagakan keimanan, Islam telah mebuktikan kemampuannya sebagai suatu pandangan dunia yang terbuka, luas dan realistik serta memiliki struktur hukum yang progresif, sehingga sangat bermanfaat dan mudah disesuaikan dengan perkembangan zaman dalam kondisi lingkungan yang berbeza. Islam memiliki falsafah sejarah ilmiah yag didasarkan atas Tauhid, kemanusiaan, dan keadilan.

Dasar falsafah Islam adalah kemenangan mutlak dari golongan yang lemah dan tertindas. Ia memiliki pandangan sosial yang sesuai dengan masyarakat dan maju. Ia diasaskan diatas nilai-nilai keadilan, kesamaan darjat, dan kepimpinan yang tulus. Ia percaya kepada konflik tak dapat

dielakkan antara kebenaran melawan kezaliman, keaslian melawan kepalsuan, dan sistem masyarakat melawan individu. Akhirnya, Islam telah terbukti sebagai falsafah antropologi yang progresif, yang didasarkan di atas kefahaman bahawa manusia adalah *khalifah* Tuhan yang bertanggungjawab sebagai pembawa kebenaran universal. Islam mengiktiraf perkembangan pemikiran manusia yang berlangsung secara terus-menerus dan tidak terbatas. Perkembangan itulah yang mendorong mereka untuk mendekati Tuhan melalui alam, realiti, dan penguasaan manusia ke atas materi.

Singkatnya, Islam mendukung penghapusan nilai-nilai perkauman dan tradisi. Ia berjuang menegakkan suatu masyarakat gergasi di atas bumi yang didasarkan atas kesamaan darjat dan ekonomi serta cita-cita yang luhur dan rabbani. Islam harus dikemukakan sebagai Ideologi, arah, panduan, dan keimanan. [58]

Melalui huraian falsafiah Ali Syari'ati mengatakan bahawa keperibadian manusia dan budayanya adalah sama ibaratnya dengan sebuah bekas yang terus-menerus diisi dengan segala bentuk ajaran moral, intelektual, sosial, artistik, dan keagamaan yang disimpan dan dikembangkan sepanjang perjalanan sejarah kebudayaannya. Dari segi ini, keperibadian manusia boleh dilihat sebagai suatu perwujudan sejarah kebudayaannya sendiri, seperti cermin yang memantulkan kebudayaan dari masa lalu sesuatu masyarakat. Sebagaimana halnya sumber-sumber alam, budaya juga menyangkut proses yang berputar dan berkembang secara serupa.

Seperti binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan yang mati, reput dan terkubur di bawah lapisan-lapisan tanah, ia mengalami perubahan-perubahan kimiawi dibawah tekanan yang tinggi. Tetapi kemudian ia berguna menyuburkan tanah dan berubah menjadi sumber ekonomi yang penting bagi masyarakat. Begitu juga, kebudayaan harus mengalami proses pereputan, perkitaran, dan perkembangan agar menjadi sumber rohaniah bagi suatu

[58] *Ibid.*, h. 84.

bangsa. Dengan demikian proses sejarah akan memajukan kebudayaan. Manusia dan wataknya adalah produk sejarah, ia berkaitan dengan masa lalu.

Manusia moden adalah kelanjutan dari sejarah masa silam. Cara ia berfikir, merasa dan berbicara merupakan pengembangan daripada sejarah masa lalunya. Perkembangan keperibadian generasi, secara demikian, merupakan hasil aliran kolektif berbagai arus spritual, mistik, intelektual, budaya, seni, dan saintifik dari generasi-generasi yang telah berlalu. Kebudayaan suatu bangsa tidak dapat tumbuh dan tegak jika memutuskan hubungan dengan perkara-perkara masa lalu yang berguna sebagai akar budayanya. Semakin bertumpu ia kepada akar-akarnya di dalam tanah, maka akan semakin kuat dan ia berdiri tegak di atas bumi.

Demikian pula seorang *Rausyanfikr* harus mengambil sumber-sumber budaya dan intelektual dari masa lalu masyarakatnya, melalui inilah dia membina keperibadian masyarakat. Keperibadian yang mendorong melakukan pilihan bagi dirinya dan kesejahteraan masyarakat serta generasi akan datang. Adalah mustahil bagi seseorang untuk menolak masa lampau sejarahnya, kerana tanpa masa lalu bererti ia memulai masa sekarang dari kosong. Sebaliknya orang yang tidak mengenal masa lalu walaupun ia memilikinya adalah serupa dengan orang Eskimo atau suku Aborigin di Australia. Ambillah seorang bayi Eropah dan besarkanlah dalam suatu masyarakat primitif yang sepenuhnya terputus dari khazanah kulturalnya, maka setelah dewasa ia tidak berbeza sama sekali dengan Eskimo atau manusia primitif. Mengapa? Sebab ia tidak tahu siapa ia sebenarnya dan dari kebudayaan mana ia berasal. Jadi ia harus memulai dari awal.

Ahli-ahli sosiologi Barat yang sangat membela kolonialisme sangat memahami kenyataan bahawa jika Timur dipisahkan dan diputuskan dari masa lalunya, digelapkan identiti budayanya, dan ditanggalkan dari keperibadiannya yang asli, maka ia tidak akan mampu melawan kekuatan kolonialisme. Sesungguhnya Timur telah kehilangan identitinya, dan menemukan dirinya dalam keadaan mengikuti dan mematuhi Barat dengan kesetiaan yang berlebihan. Timur telah terlalu jauh dalam kepatuhan kepada Barat, sehingga ia bangga menjadi pembeli dan pelanggan paling setia pada produk-produk Barat.

Penyakit memuja Barat telah menjadi suatu keperibadian Timur dengan taraf kegilaan yang parah sehingga Barat tidak perlu lagi melakukan tekanan, politik dan muslihat untuk mempengaruhinya. Adalah sangat tabii bila suatu peribadi yang lemah mengikuti suatu peribadi yang kuat, sehingga tidak peduli dengan apa sebenarnya yang harus ditiru. Mengikuti Barat bererti memakai pakaiannya, menggunakan alat-alatnya, dan mengguna apa yang telah dihasilkannya. Perkara seumpama inilah yang telah memutuskan Timur dari keperibadiannya. Dewasa ini penggunaan merupakan suatu bahagian dari watak manusia moden. Timur telah menjadi pengguna yang setia terhadap industri Barat.[59]

Ali Syari'ati juga menjelaskan bahawa terdapat lebih seribu suku di Afrika. masing-masing suku tersebut mempunyai cara pemakanan, berpakaian dan kebiasaan yang khas. Masing-masing memecahkan persoalan-persoalannya dengan cara yang khas dengan cita-rasa, gaya dan keperluan yang berbeza-

---

[59] Ali Syari'ati (1982), *op. cit.*, h. 177.

beza. Mereka tidak berminat membeli barang-barang yang sama dari Barat. Tetapi Barat tidak dapat melayani kehendak yang berbeza-beza, kerana perhatian utamanya adalah bagaimana cara memperoleh keuntungan maksimum daripada apa yang mereka hasilkan dan dieksport ke Afrika, Amerika Selatan dan Asia.

Dalam rangka menyelaraskan kebiasan dan keperluan para pengguna yang berlainan di seluruh dunia, Barat melakukan penyeragaman budaya yang dipaksakan ke atas mereka, dengan cara melenyapkan budaya dan watak para pengguna tersebut. Bila hal ini telah dilakukan, maka Timur akan mudah diatur oleh Barat, kerana mereka tidak memiliki lagi keperibadian dan identiti Timur yang harus dipertahankan.

Dari sudut pandangan falsafah, seorang *Rausyanfikr* Muslim harus mengganti falsafah Barat moden yang telah meracuni kaum Muslimin. Ia harus menjadi ahli falsafah Muslim yang cemerlang untuk menghadapi tantangan abad moden. Ia harus memperkenalkan secara falsafah tafsiran baru daripada bias keperibadian Hussein, Abu Dhar, Mulla Sadra, Imam al-Ghazālī, dan pemikiran-pemikir falsafah serta ilmuwan Muslim lainnya kepada generasi Islam masa kini. Ia harus berupaya membersihkan pandangan umat yang dipenuhi oleh pemikiran orientalis yang rosak. Penuh fitnah dan tuduhan ke atas umat Islam.

Barat telah merubah pemikiran-pemikiran ahli falsafah dan ilmuwan Muslim sedemikian rupa sehingga tampak oleh umat Islam bahawa pemikiran mereka tidak progresif dan kreatif. Tujuan Barat adalah untuk membuat umat Islam membenci ilmuwan mereka sendiri. Ini bererti Timur (Islam) telah diletakkan

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

dalam suatu posisi dan situasi untuk lari dari budayanya sendiri dan dipaksa berkiblat ke Barat; budaya Barat, seni sastera Barat, bahkan ideologi Barat.

> Namun kini *Rausyanfikr* Muslim harus sedar akan tugas untuk menghancurkan berbagai pandangan buruk tentang masa lalu yang telah dicoret dan menggantikannya dengan pandangan yang telah ditafsirkan sendiri dari sejarah masa lalu dengan komitmen, bakat, dan persaingan sendiri. Seperti halnya umat Islam telah melakukan penggalian terhadap sumber-sumber alam seperti minyak dan mengolahnya menjadi energi yang dibangkitkan untuk menghidupkan aliran ekonomi dan industri serta produktiviti di kota ini (Abadan) maka mereka harus mengabdikan hidupnya untuk menciptakan semangat yang dinamik dan produktif dalam semangat ketaakulan, perasaan dan iman menuju terbentuknya identiti dan keperibadian insaniah.[60]

Ali Syari'ati menyimpulkan bahawa seorang ilmuwan ataupun ahli falsafah memiliki peluang yang sangat besar untuk menjadi seorang *Rausyanfikr* jika ia bersedia mengambil kerja-kerja kenabian. Mereka tidak boleh hidup terpencil, bersembunyi dari rakyat. Mereka tidak boleh bertindak seperti Plato yang menutup pintu akademinya sambil mengatakan :"Sesiapa yang tidak mengerti geometri dilarang masuk". Genius seperti ini yang hanya berbicara tentang republika, utopia, puisi, moral, keadilan, keabadian, kehancuran, kejujuran dan kepalsuan, dan mengabaikan bahawa di Athena beribu-ribu hamba telah menggantikan tenaga kaldai-kaldai bukanlah keperibadian *Rausyanfikr*.[61]

Demikian juga halnya dengan seorang ilmuwan, ia boleh menjadi seorang *Rausyanfikr*. Kerana sains atau ilmu didasarkan atas dua tahap. Tahap pertama adalah *Judgement de faite* iaitu tahap pembahasan atas realiti eksternal, pengujian atas sesuatu yang nyata. Pencaharian terhadap fakta atau

---

[60] *Ibid*, h. 189.

[61] Ali Syari'ati (1984), *op. cit.*, h. 75.

circumtances. Peringkat kedua adalah *Judgement de valuer* yang mempersoalkan karakter dan kualiti dari suatu gejala, mengkaji kebaikan dan keburukannya. Jika pada tahap *judgement de faite* seorang ilmuwan dilarang untuk melibatkan keyakinan-keyakinan dan nilai-nilai yang dimiliki kerana akan merusakkan objektiviti dan metodologi ilmiahnya, maka pada tahap *judgement de valuer* seorang ilmuwan dituntut untuk mempersoalkan kegunaan atau bahaya dari suatu penemuan. Pada tahap ini seorang ilmuwan mesti berupaya untuk merubah aspek-aspek negatif yang ditemukannya menjadi positif, memperbaharuinya dan menyempurnakannya, bahkan jika terbukti ia membahayakan kemanusiaan, saintis juga harus memikirkan bagaimana memusnahkan hasil penemuannya.

Pembicaraan tentang hal ini bererti melakukan evaluasi tentang nilai-nilai. Pada peringkat inilah seorang ilmuwan boleh melibatkan keyakinan yang dimilikinya, seorang ilmuwan tidak boleh bersikap netral, ia harus berpihak kepada keselamatan manusia. Disinilah ia memainkan peranan sebagai *Rausyanfikr*.

Dua peringkat kajian ini harus dibezakan. Ali Syari'ati mencontohkan kajian dan penelitian tentang sejarah Islam di Iran. Dalam peringkat *judgement de faite*, maka seorang ahli sejarah hanya menggambarkan tentang bagaimana Islam menaklukkan Parsi, mempengaruhi masyarakatnnya, mempengaruhi kebudayaan dan tradisinya, juga bagaimana Islam menguasai sistem politik dan sosial. Penggambaran ini harus utuh dan metodologinya harus tepat. Seorang ilmuwan harus menahan diri dari melibatkan keyakinan-keyakinan dan perasaan - perasaan sentimen peribadinya dalam menyajikan fakta -

fakta ini. Jika tidak akan rosaklah fakta-fakta ilmiah dan objektifiti dari kajiannya.

Sedangkan dalam peringkat *judgement de valuer* seorang ilmuwan dibolehkan untuk melibatkan ideologinya dalam mengevaluasi, membandingkan dan menguji sama ada Islam merupakan satu kekuatan positif atau negatif; adakah ia menyebabkan kemunduran atau kemajuan bagi budaya Iran; adakah Islam menawarkan manfaat-manfaat baru bagi tradisi dan mematikan etika lama; adakah ia menghapuskan nasionalisme atau menguatkannya; adakah ia memberi kemerdekaan bagi rakyat yang tertindas atau membiarkan mereka berada dalam *status quo*.

Ini adalah proses pengujian nilai-nilai yang meliputi pengukuran, klasifikasi dan pertimbangan terhadap realiti eksternal. Dalam peringkat *judgement de valuer* fakta-fakta didiskusikan kedalam nilai-nilai yang mungkin diterima atau ditolak. Ini merupakan peringkat ideologi yang mendorong seorang ilmuwan untuk menjawab masalah-masalah yang berkaitan dengan keyakinannya.

Seorang ilmuwan mengesahkan, menjelaskan dan menciptakan keadaan-keadaan untuk menjadikan kehidupan makmur, tenteram, kuat seberapa yang mungkin. Ia akan menemukan fakta-fakta. Namun jika ia ingin menjadi *Rausyanfikr* ia harus memperjuangkan kebenaran sama ada ia berconggah atau tidak dengan fakta-fakta yang ditemukannya. Sebagai *Rausyanfikr* ia harus bertindak sebagai *pemandu kaumnya* yang memimpin barisan terdepan kafilah umat manusia menuju jalan yang benar. Ia menggerakkan manusia untuk memulakan sesuatu perjuangan dan membawa mereka sehingga ke destinasi terakhir.

Oleh sebab ilmu pengetahuan merupakan kekuatan dan cahaya yang memberi penerangan dari semasa ke semasa, maka seorang ilmuwan yang *Rausyanfikr* tidak akan mendukung penindasan dan kebodohan. Sebaliknya sebagai *Rausyanfikr* dengan sendirinya ia akan menentang kezaliman dan kebatilan.

Kata *hikmah*, yang digunakan didalam al-Quran dan lingkungan budaya ilmiah Islam, menurut Ali Syari'ati, memberikan makna kepada sebentuk *pencerahan*. Bahkan di dalam pembahasan tentang pengetahuan , ia tidak merujuk kepada pengetahuan teknis, saintifik, ataupun falsafah. Ia juga bukan bererti pengetahuan agama rasmi (kursus-kursus yang diajarkan di universiti-universiti Islam dalam bidang kajian agama, seperti fiqh, hadith, sirah Nabi, tafsir al-Quran, akhlak, kalam dan sebagainya). Ia juga bukan pengetahuan moden (bidang kajian ilmu sosial atau ilmu alam, seperti fizik, kimia, perubatan, sosiologi, kesusasteraan, psikologi, sejarah dan sebagainya).

Semua ini merupakan kumpulan maklumat khusus dan pengetahuan budaya yang diajarkan sebagai mata pelajaran dalam suatu sistem pendidikan tertentu. Walaupun pengetahuan agama dapat dan boleh sahaja melahirkan kesedaran dan pencerahan, dan boleh menjadi sarana berharga di tangan *Rausyanfikr*, namun ilmu agama maupun ilmu sekular dengan sendirinya bukan merupakan cahaya atau kesedaran yang diharapkan. Jenis pengetahuan yang ditegaskan dalam Islam adalah suatu kesedaran yang khas bagi manusia, iaitu cahaya ilahiyah dan sumber kesedaran dari hati-nurani masyarakat. *Hikmah* adalah pengetahuan yang menyinari, membangkitkan,, membimbing dan melahirkan tanggungjawab. Inilah yang dinamakan cahaya Ilahi, dan bukan kursus fizik, kimia, kesusasteraan, hukum dan lain sebagainya. *Hikmah* akan melahirkan

tanggungjawab dan keimanan seperti yang dimiliki oleh Abu Zar meskipun ia bukan dari kalangan terpelajar. Sebaliknya ia mungkin tidak dimiliki oleh Ibn Sina walaupun ia sangat terpelajar.

Itulah sebabnya mengapa seringkali seseorang yang tidak terpelajar muncul dan memberi semangat bagi masyarakat yang jumud, dan membimbing mereka menuju kehidupan yang lebih baik. Sementara ramai kaum terpelajar tidak berupaya mengambil langkah-langkah pertama bagi memulakan perubahan-perubahan, kesedaran diri dan pembentukan idealisme bersama bagi rakyat. Mereka tidak berupaya menimbulkan keyakinan dan kecintaan kepada kesedaran perjuangan bagi umat. Sebaliknya jika ilmuwan bersikap sebagai *Rausyanfikr* mereka lebih mampu bertindak secara efektif untuk memajukan masyarakat mereka sendiri dan umat manusia. Ringkasnya, *Rausyanfikr* adalah orang yang memberi suatu keyakinan bersama yang dinamik kepada manusia, membantu mereka mencapai kesedaran diri dan merumuskan cita-cita mereka.[62]

Ali Syari'ati menolak pemisahan antara ilmu dunia dan ilmu agama. Menurut pandangannya, Islam dalam ajaran dan sejarahnya selalu memberi tempat yang seimbang antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Observasi, rasionaliti dan kajian sains merupakan ciri-ciri menonjol dari tradisi Islam. Al-Quran menganjurkan kepada pembaca dan pengikutnya untuk mengamati, memikirkan dan melakukan penelitian, ia juga mengesyorkan pemahaman falsafah kehidupan, tujuan pokok penciptaan, rahsia-rahsia eksistensi bahkan juga hakikat Tuhan. Al-Quran mengakui metodologi sebagai bahan dan jalan

---

[62] Ali Syari'ati (1988), *op.cit.*, h. 29-31

untuk menyelamatkan rakyat dari tawanan kebodohan, dari mitos-mitos lama, dan dari tradisi-tradisi serta kepercayaan-kepercayaan warisan lama yang jumud.

Ia menyatakan bahawa hanya dengan mengamalkannya sahaja rakyat akan sampai kepada kesedaran diri, kebijaksanaan dan kebenaran. Perintah al-Quran untuk berfikir dan menelitilah yang menyebabkan kaum Muslimin generasi awal bangkit untuk meninggalkan budaya primitif, faham perkauman Arab, adat-istiadat tradisional, kejumudan dan pengagungan masa silam. Ia juga mengakibatkan umat lain melakukan peninjauan semula terhadap idealisme falsafah dalam budaya Yunani; tradisi-tradisi Kristian yang bersifat mistik dan semangat moral India yang penuh khayalan, anti sosial dan tidak ilmiah.

Sejak abad pertama Islam, perintah-perintah al-Quran telah membimbing manusia menuju pembinaan pelbagai pusat kajian ilmiah dan budaya intelektual. Para ilmuwan, ahli falsafah dan ulama telah biasa dengan perbincangan mengenai kesolehan, pencerahan pemikiran, beradu argumen secara logik, dialog ilmiah dan rasional untuk ijtihad, kajian-kajian, penterjemahan, bahkan pengembaraan-pengembaraan untuk mencari ilmu pengetahuan.

Berbagai aliran pemikiran berkembang, banyak ahli-ahli dilatih untuk meningkatkan kemajuan yang mengagumkan dalam rangka memahami berbagai aspek al-Quran. hadith, sejarah, fiqh, bahasa, kesusasteraan, dan seni. Juga dilakukan pada saat yang sama, kajian terhadap sejarah dan cara hidup rakyat dari negeri-negeri lain, penyaringan dan pemanfaatan semua sumber-daya kebudayaan dan tamadun masa lampau, sehingga pada akhirnya Islam

meniggalkan warisan tak ternilai dari segi spritual maupun material untuk umat manusia yang menduduki kawasan dari Spanyol hingga Tajekistan.[63]

Islam sebagai suatu ideologi dan keyakinan telah merubah suatu masyarakat yang jumud dan suku-suku yang buta huruf menjadi *ummah* yang beradab dan dinamik. Ia menciptakan suatu tamadun sains dan pengetahuan yang pada hakikatnya merupakan induk tamadun masa kini. Tamadun dan ilmu-ilmu Islam merupakan antara penggerak pertama yang menyebabkan keruntuhan feodalisme; tumbuhnya masyarakat kelas menengah, matinya semangat abad pertengahan Eropah; tumbuhnya gerakan Protestan; melemahnya kediktatoran Paus; perubahan daripada ajaran Katolik kepada gerakan *renaissance*; bermulanya gerakan pelayaran, penerokaan-penerokaan dan perpindahan geografik; dan akhirnya, munculnya orientasi keduniawian dalam semangat masyarakat Barat yang baru.

Tamadun dan sains Islam mencapai puncak kegemilangan dan kejayaannya pada abad ketiga dan keempat Hijriyah (abad 9 dan 10 Masehi). Prestasi-prestasinya mendorong para *genius* daripada pelbagai suku dan bangsa, sama ada golongan penguasa mahupun rakyat jelata untuk memasuki pintu-pintu kemajuan sains, pengetahuan, dan budaya. Sehingga memungkinkan individu-individu dari daerah pedesaan dan para hamba asing untuk mencapai status sebagai ilmuwan, pemikir, pemuka agama dan ahli falsafah.

Ijtihad yang merupakan ciri menonjol dari semangat ilmiah dan pandangan ideologi Islam, tidak hanya mencegah pemikiran Islam menjadi terasing dengan berlalunya masa dan agar tidak berhenti bergerak dalam proses perubahan kondisi sosial dan ekonomi, kelahiran, kematian dan proses hidup

---

[63] *Ibid*, h. 33

lainnya; dan akhirnya, bukan hanya menyebabkan pemikiran Islam tetap baru dan maju, tetapi juga memberikan sumbangan pada perkembangan bagi evolusi pemikiran Islam dan kreativitinya. Ijtihad menyebabkan pemikiran Islam tumbuh, memperkaya dirinya dengan lebih menyeluruh disepanjang jalannya sejarah. Ia tidak hanya menghalang pemikiran Islam menjadi jatuh dan ketinggalan zaman, tetapi ia juga bergerak mendahului zaman.

Ringkasnya, tujuan ijtihad lebih dari sekadar menerapkan hukum-hukum Islam pada keperluan-keperluan baru dan mempersatukan umat dengan gerakan-gerakan baru, tetapi juga menciptakan keperluan-keperluan dan meningkatkan serta memandu kehidupan. Inilah alasannya sehingga di masa lampau, para ulama besar Islam juga menjadi sarjana-sarjana utama dan humanis besar, dan inilah sebabnya madrasah-madrasah Islam merupakan pusat pengkajian Imu-ilmu alam dan kemanusiaan. Dalam kenyataannya, pemisahan antara yang *rohani*yah dan yang bukan *rohani*yah, pemisahan antara ilmuwan beragama dan yang tidak beragama, dan pemisahan antara ilmu-ilmu sekular dan ilmu-ilmu agama merupakan fenomena baru yang tidak sesuai dengan misi Islam dan dengan semangat serta pandangan Islam.[64]

Boleh disimpulkan bahawa Ali Syari'ati menginginkan para ilmuwan dan ahli falsafah Islam yang sekaligus *Rausyanfikr*, bertanggungjawab untuk mengembalikan sains dan falsafah Islam boleh menjadi alat yang aktif dan dinamis, dalam usaha menggerakkan umat dari kebekuan, menyelamatkan rakyat dari kefanatikan, kebodohan dan keterasingan dari kemajuan dunia. Ia harus mengembalikan ilmu-ilmu Islam yang terkurung dalam buku-buku

---

[64] *Ibid.* h. 34

lama. Ia juga bertanggungjawab menyatukan ilmu agama dengan sains, menyatukan pemerintahan, ibadah dan politik. Dan akhirnya menciptakan revolusi bagi menjatuhkan sistem yang menghalangi kemajuan dan kecerdasan umat.

3.4 Peranan *Rausyanfikr*

Untuk menemukan peranan yang sebenar dari seorang *Rausyanfikr* menurut Ali Syari'ati, harus diberikan batasan bahawa tidak terdapat seorang *Rausyanfikr* yang universal di abad ini. Seorang menjadi *Rausyanfikr* adalah secara kondisional berkaitan dengan masa, tempat, lingkungan sosial, dan kondisi sejarah yang dihadapinya.

Seseorang boleh menjadi *Rausyanfikr* di Afrika, tetapi orang yang sama tidak boleh dikatakan demikian dikalangan komuniti Islam. Atau seseorang mungkin dapat dianggap sebagai *Rausyanfikr* di Perancis atau di negara-negara industri Eropah lainnya selepas perang, tetapi orang tersebut mungkin tidak boleh memainkan peranan yang sama untuk masyarakat India.

Untuk lebih jelas, ambillah contoh Jean Paul Sartre[65] (m. 1980 M) , yang falsafah maupun keperibadiannya dikagumi ramai. Di negara-negara industri Eropah dengan sistem kapitalisme yang maju dan kajian agama telah ditinggalkan selama beberapa ratus tahun sejak abad Pertengahan, Sartre boleh dikatakan sebagai seorang *Rausyanfikr*. Barat mengikuti falsafahnya kerana manusia Barat telah tenggelam dalam konsumerisme yang menyebabkan potensi manusia dibatasi oleh faktor-faktor seperti produksi

---

[65] Jean Paul Sartre (m.1980 M) dilahirkan di Paris dan belajar di kota tersebut.

> sebuah kampung yang meniru khatib lain yang berasal dari Teheran dan meniru khutbahnya : " Tuan-tuan yang duduk di dalam kereta-kereta besar yang melewati jalan-jalan, tidakkah kalian tahu bahawa ada orang yang tidak memiliki sepasang kasut. Wahai tuan-tuan yang menghadiri pesta-pesta mewah dan makan itik yang di masak dengan *whiskey* ,. Kata-kata tersebut sangat menggugah, tetapi hanya bermakna dan memberi kesan di Teheran dan bukan di sebuah kampung kecil. Orang yang menyampaikan khutbahnya ini di kampung kecil adalah orang bodoh yang menjadikan mimbarnya sebagai pentas komedi. Seorang pengkhutbah seharusnya adalah seorang *Rausyanfikr*, dan harus bertindak sesuai dengan itu. Tetapi jika ia salah memahami tempat, masa, lingkungan sosial dan kondisi sejarah, khutbahnya akan kehilangan makna dan tidak memberi kesan di tengah-tengah masyarakatnya.[67]

Seorang *Rausyanfikr* berperanan untuk mengantisipasi zaman dan situasi sejarah yang dihadapinya. Francis Bacon[68] misalnya, adalah seorang tokoh terkenal di dalam sejarah pemikiran manusia. Ia menegaskan bahawa ketakhayulan dalam otak manusia mesti dibuang, dan sains serta semua pengetahuan manusia harus dipisahkan dari kajian alam akhirat. Lebih jauh lagi dia mengatakan bahawa sains dan pengetahuan harus digunakan untuk perbaikan kehidupan zahiriyah rakyat.

Pada masanya, Bacon adalah seorang *Rausyanfikr* di dalam versi Eropah. Kerana pada saat itu sains dan pengetahuan tidak lain hanya setakat idea-idea dan analisis-analisis, yang mengesahkan doktrin agama dan dalil-dalil Gereja. Dalam keadaan semacam itu dengan membebaskan akal, pengetahuan dan masyarakat dari tekanan gereja, Bacon berjasa besar bagi umat manusia Eropah. Tetapi jika Bacon hidup pada masa kini, ia mungkin akan mengatakan hal yang berlawanan dengan apa yang dikatakannya dahulu, jika dia masih ingin menjadi *Rausyanfikr*.

---

[67] *Ibid*, h. 35

[68] Francis Bacon (m. 1626 M), ahli falsafah dan poltik, dilahirkan di London

Di Eropah masa kini, mereka yang mengikuti langkah-langkah Bacon dengan mengatakan bahawa pengetahuan manusia harus dipusatkan hanya kepada ekonomi dan produksi material semata, serta menyatakan juga bahawa potensi manusia harus dimanfaatkan untuk konsumerisme, tidak akan dianggap sebagai *Rausyanfikr*. Meskipun mereka mendakwa penganut falsafah Bacon dan melaksanakannya, mereka hanya menjadi ilmuwan yang mengabdi kepada *status quo*.

Alasannya adalah kerana zaman telah berubah, keperluan-keperluan telah berbeza, dan masalah-masalah serta krisis-krisis masa kini mewajibkan seorang intelektual harus memulai dengan sudut pandangan yang berbeza dan melakukan pendekatan yang berbeza pula.

Negara-negara dunia Ketiga, terutama wilayah Islam memiliki permasalahan-permasalahan yang berbeza dengan masyarakat manapun dimuka bumi. Oleh kerananya, peranan, tugas dan tanggungjawab seorang *Rausyanfikr* Muslim mesti disesuaikan dengan situasi dan kondisi umatnya.

Menurut Ali Syari'ati, tragedi yang paling menyedihkan menimpa masyarakat-masyarakat Islam disaat ini adalah besarnya jurang perbezaan pandangan dan lemahnya komunikasi antara kelas terpelajar dan rakyat biasa. Sedangkan di Eropah, dengan tersebar-luasnya maklumat melalui akhbar dan media massa lainnya, dibanterasnya buta huruf serta wujudnya pendidikan yang berkualiti, rakyat biasa dan kaum intelektual boleh saling menukar informasi dengan baik, dan memiliki pandangan yang hampir serupa.

Di Eropah, seorang professor di universiti boleh dengan mudah berkomunikasi dengan rakyat biasa yang kurang terpelajar. Bahkan professor

tersebut tidak memandang dirinya memiliki status yang lebih tinggi dan rakyat tidak pula memperlakukannya sebagai tokoh yang agung.

Dalam sejarah kejayaan Islam tidak terdapat perbezaan dan pemisahan langsung antara kaum intelektual dan rakyat biasa. Para cerdik pandai tradisional Muslim, kaum ulama termasuk para ahli hukum Islam, ahli ilmu kalam, ahli-ahli tafsir al Quran, ahli falsafah dan sasterawan mempunyai ikatan yang erat dengan masyarakat dan mudah berhubungan dengan mereka. Meskipun mereka mengajar dan belajar di tempat-tempat yang tampaknya terpisah, mereka berjaya menghindari kerenggangan hubungan dengan umat.

Rakyat pada masa itu yang sebahagiannya tidak terpelajar boleh duduk berdampingan dengan ulama, yang telah mencapai status kesarjanaan, dan membahas masalah-masalah mereka dalam suasana yang ramah dan mesra. Mereka membicarakan masalah-masalah, keperluan-keperluan, keluhan-keluhan, atau persoalan-persoalan keluarga mereka atau meminta pendapat mengenai hukum Islam.

Sayangnya, dalam kebudayaan dan sistem pendidikan moden, kaum muda Timur dididik dan dilatih dalam dinding yang terlindung di universiti-universiti. Begitu mereka masuk kembali ke dalam lingkungan masyarakat, mereka ditetakkan pada kedudukan-kedudukan sosial yang sangat terpisah dari rakyat biasa, Maka kaum *cerdik-pandai baru* ini hidup dan bergerak di dalam masyarakat, tetapi di dalam suatu *sangkar emas* pada lingkungan terpisah. Akibatnya, dari satu segi kaum cerdik pandai ini mengejar kehidupan yang terasing di universiti-universiti, institut-institut, pejabat-pejabat, tanpa memahami dan merasakan apa yang sebenarnya dirasakan oleh rakyat.

Rakyat awam tidak boleh memperoleh kebijaksanaan dan pengetahuan dari kaum intelektualnya, yang telah mereka beri belanja (walaupun secara tidak langsung) dari peluh keringat mereka sendiri.

Oleh kerananya, peranan dari seorang *Rausyanfikr* Muslim adalah membangun masyarakat dengan menyatukan unsur-unsur yang terpisah, terpecah-pecah, bahkan mungkin bertentangan menjadi kesatuan yang harmonis; dia harus berjuang menjambatani perbezaan antara dua kutub ini, kutub *dunia teori* dan kutub *dunia praktik*, menimbun jurang yang memisahkan antara kaum intelektual dan rakyat biasa.[69]

Peranan dan tugas selanjutnya dari seorang *Rausyanfikr* adalah menemukan sebab-sebab yang sebenar dari keterbelakangan masyarakatnya dan menemukan jalan keluar dari kejumudan dan kerosakan umat dalam lingkungannya. Lalu, dengan berpijak kepada sumber-sumber rujukan yang jelas dan bertanggungjawab, ia mesti menentukan pemecahan-pemecahan yang rasional serta boleh memungkinkan rakyatnya membebaskan diri mereka dari *status quo*.

Berdasarkan pemanfaatan yang tepat atas sumber-sumber energi kerohanian yang terpendam di dalam masyarakat dan diagnosis tepat pula atas penderitaan masyarakat itu, seorang *Rausyanfikr* harus berusaha menemukan hubungan sebab akibat sesungguhnya antara kesengsaraan, penyakit sosial, dan ketidakseimbangan, serta berbagai faktor internal dan eksternal. *Rausyanfikr* harus memberitahukan dan menyederhanakan pengetahuan yang dimiliki kaum intelektual di bidang politik kepada masyarakat luas secara keseluruhan.

---

[69] Ali Syari'ati (1988), *op.cit.*, h. 24 –26.

Kaum intelektual masa kini biasanya percaya bahawa pertentangan-pertentangan dialektik (sesuai dengan teori Mark), dengan sendirinya akan menggerakkan masyarakat menuju kebebasan dan revolusi, sehingga melahirkan keadaan baru. Menurut logik dalam teori ini, kemiskinan atau perbezaan kelas dalam masyarakat dianggap sebagai penyebab adanya pertentangan sosial. Hal ini akan membawa kepada kontradiksi-kontradiksi dialektik, yang akan menciptakan gejolak di dalam masyarakat.

Tetapi menurut Ali Syari'ati, di dalam realitinya teori ini hanyalah merupakan suatu ilusi yang berlebihan. Tidak ada masyarakat yang boleh digerakkan dan mencapai kebebasan semata-mata kerana adanya pertentangan kelas yang tragik antara golongan kaya dengan golongan miskin. Kemiskinan dan pertentangan kelas boleh berlangsung dalam suatu masyarakat dalam beribu-ribu tahun tanpa sebarang perubahan struktural. *Dialektika Marxisme* tidak mengandung gerakan-gerakan yang hakiki.

Mengingat bahawa gerakan suatu masyarakat merupakan akibat perubahan pertentangan sosial dari dalam masyarakat itu sendiri ke dalam kesedaran para anggotanya, maka tugas dan tanggungjawab *Rausyanfikr* menjadi sangat jelas, iaitu meletakkan kesedaran akan kelemahan dan ketimpangan masyarakat ke dalam fikiran dan ingatan umat.

Oleh kerananya menurut Ali Syari'ati, *Rausyanfikr* adalah intelektual yang sedar adanya pertentangan-pertentangan sosial dan punca timbulnya pertentangan tersebut, memahami keperluan zaman dan generasinya, menerima tanggungjawab untuk memberi jalan keluar sehingga masyarakatnya boleh dibebaskan, juga membantu masyarakatnya untuk

membentuk cita-cita dan tujuan bersama. Sebagaimana halnya para Nabi, ia harus menuntun dan bekerja demi keadilan, dengan metodologi yang sesuai dengan zaman, dan jalan keluar yang sejalan dengan nilai-nilai budaya masyarakat.[70]

Seorang *Rausyanfikr* Muslim harus boleh menafsirkan bahawa Islam adalah agama yang ditegakkan atas keadilan, kepemimpinan dan jihad. Bukan hanya agama yang setakat mengajarkan solat, kesalihan, cinta dan ibadah. Ia harus menyedari bahawa Islam mempunyai semangat budaya yang unik, yang tidak sepenuhnya bersifat kerohanian seperti dalam budaya India, juga tidak sepenuhnya mistik seperti budaya Tao di China, tidak pula bersifat raisatian sepenuhnya seperti Yunani, dan juga tidak sepenuhnya bersifat materialistik seperti kebudayaan Barat moden.

Kebudayaan Islam merupakan campuran antara iman, idealisme dan spritualisme, tetapi penuh dengan energi dan vitalisme yang disertai semangat persamaan dan keadilan menyeluruh, iaitu suatu ideologi yang diperlukan oleh umat Islam sendiri dan masyarakat Timur lainnya.

Oleh sebab itu, seorang *Rausyanfikr* Muslim tidak boleh hanya menjadi penerjemah dan peniru dari karya-karya pemikiran intelektual asing yang tidak memberi sedikitpun manfaat bagi umatnya, ia harus melibatkan diri dalam menemukan, menyaring dan menyebarkan semangat kuat yang memberi kehidupan bagi masyarakatnya.

Salah satu sifat dari Islam adalah tidak seperti agama-agama lain yang membenarkan kemiskinan, Islam sangat membenci dan mengutuk kemiskinan.

---

[70] *Ibid.*, h. 41-43

Islam telah dipesongkan dengan pemahaman masa kini yang mengatakan bahawa orang yang terjerat kemiskinan dan kesengsaraan memiliki hati yang lebih jernih dan lemah lembut, maka ia akan mudah memperoleh ilham dari Allah. Sedangkan sebenarnya perut kosong boleh mematikan dan mengacaukan segala pemikiran.

Suatu masyarakat yang menghadapi masalah-masalah ekonomi, juga akan boleh kehilangan kekayaan imannya. Apapun yang disebut akhlak dan etika di negeri-negeri miskin sebenarnya tidak lain adalah adat kebiasaan yang menyimpang, bukan keimanan atau spritualiti.

Seorang *Rausyanfikr* Muslim harus meyakini bahawa ia bukan sahaja harus bersandar kepada al-Quran dan al-Sunnah, tetapi juga harus mengimani bahawa seluruh unsur-unsur historis dan kekayaan pengetahuan Islam masa lampau dapat dan boleh dijadikan acuan bagi umat Islam masa kini. Unsur-unsur yang membangun masyarakat Islam secara terus menerus adalah jihad dan keadilan. Islam sangat menaruh perhatian kepada roti, nasi dan pandangan ke akhirat yang didasarkan atas kehidupan aktif di dunia ini. Keadilan bukanlah setakat suatu prinsip agama tetapi merupakan semangat yang mengatur seluruh aspek Islam, dan dianggap sebagai tujuan utama pengutusan para Nabi.

> Suatu hari Imam Ali memperhatikan bahawa salah seorang peniaga telah membahagi kurma-kurma yang dijualnya menjadi dua bahagian yang berkualiti baik dan buruk, dan menjualnya dengan harga berbeza. Dengan marah Imam Ali mengingatkan peniaga tersebut bahawa dia tidak boleh membahagi manusia yang diciptakan Allah kedalam kelompok-kelompok yang berbeza dengan jalan membagi buah-buahan kedalam dua bahagian. Lalu dengan tangannya sendiri Ali mencampur kurma-kurma tersebut dan memerintahkan peniaga-peniaga menjualnya dengan harga yang sama untuk semua orang.

> Perhatikan pula tindakan-tindakan Abu Zar sebagai perbandingan dengan tindakan-tindakan Saint Paul. Jika ada yang memberikan penilaian sama atas kedua orang ini maka jelas ia seorang intelektual yang sangat bodoh. Abu Zar adalah seorang *Rausyanfikr* yang menghabiskan semua hidupnya untuk memerangi penindasan dan pemerasan dan akhirnya syahid dalam proses itu Ia tidak boleh dibandingkan dengan St. Paul yang menyatakan bahawa *Kuil-kuil Tuhan di bangun di atas kelaparan*, dan bahawa *rasa lapar merupakan sumber ilham.*[71]

Seorang ahli sejarah atau ahli falsafah boleh mempelajari agama dengan cara apapun yang disukainya. Tetapi seorang *Rausyanfikr* tidak boleh menganggap agama sebagai suatu fenomena yang mutlak. Seorang *Rausyanfikr* Muslim harus menemukan sendiri peranan-sosial sesungguhnya dari ajaran Islam. Ini sangat penting kerana kesalahan yang dilakukan oleh seorang *Rausyanfikr* tidak akan memberikan kesan yang sama dengan seorang penulis biasa; kesalahannya adalah kesalahan seorang pemimpin sosial, seorang penyelamat sosial, seorang pewaris misi Nabi Muhammad s.a.w, dan Nabi-Nabi lainnya dalam sejarah umat manusia.

Secara ringkas, seorang *Rausyanfikr* harus mendapatkan bahan-bahan pemikiran dari nilai-nilai kontemporer masyarakatnya dan kehidupan sosial yang dihadapinya. Tidak ada *Rausyanfikr* yang bersifat universal, dengan nilai-nilai dan watak yang sama di setiap tempat.

Sejarah dan pengalaman telah membuktikan bahawa setiap kali seorang *Rausyanfikr* berpaling dari agama yang merupakan semangat dominan dalam masyarakat, maka masyarakat Islam akan membencinya. Penentangan terhadap agama yang dilakukan para intelektual membuat masyarakat cemas tentang nasib peruntungan yang akan dicapai generasi muda.

---

[71] *Ibid.*, h. 51.

Ali Syari'ati menginginkan perubahan cepat dengan corak dan istilah yang disebutnya sebagai kebangkitan Islam, iaitu dengan menghapuskan seluruh faktor perosak yang meggunakan nama Islam. *Rausyanfikr* harus mampu membuang penafsiran Islam yang salah dan membius umat serta nasib mereka. Kebangkitan Islam memiliki banyak sumber inspirasi dari ajaran Islam sendiri. Berikut ini adalah ringkasan dari pemikiran Ali Syari'ati mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab *Rausyanfikr* Muslim :

1. Menyaring dan memanfaatkan sumber-sumber energi masyarakat dan merubah penyebab kerosakan dan kejumudan menjadi kekuatan atau gerakan.
2. Merubah pertentangan antara kelas sosial yang ada menjadi kesedaran akan tanggungjawab sosial, iaitu dengan cara pemanfaatan pengaruh kesenian, menulis dan berbicara , serta kemungkinan-kemungkinan lain yang ada.
3. Menjambatani jarak yang semakin jauh antara para intelektual dengan rakyat biasa, dengan menjalin hubungan silaturrahim dan pemahaman diantara mereka, dan menempatkan Islam untuk membangkitkan dan melahirkan gerakan ke dalam kehidupan rakyat.
4. Mencegah agar kekuatan agama tidak jatuh kepada orang yang tidak patut memilikinya, iaitu mereka yang bertujuan memanfaatkan agama untuk tujuan-tujuan peribadi.
5. Mengusahakan suatu kebangkitan kembali Islam. Dengan tampilnya Islam yang hidup, dinamik, kuat dan adil, agen-agen kerosakan dalam masyarakat akan terhapus dengan sendirinya. Dengan demikian rakyat akan terselamat daripada unsur-unsur yang digunakan untuk menipu mereka. Dengan

hidupnya kembali gerakan kebangkitan Islam, agama ini boleh digunakan untuk menyegarkan, memberi kesedaran dan memerangi ketahayulan. Lebih jauh lagi, dengan bersandar pada budaya Islam , umat akan mampu menumbuhkan identiti budaya yang merdeka dalam menghadapi tekanan budaya Barat.

6. Menghilangkan semangat peniruan dan kepatuhan yang merupakan ciri dan sifat kaum hamba, dan menggantinya dengan semangat pemikiran bebas yang kritis, revolusioner, dan agresif. Semua ini boleh dicapai dengan gerakan pembaharuan agama yang akan menyaring dan memanfaatkan persediaan energi yang sangat besar di dalam masyarakat, dan akan mencerahkan zaman serta membangun generasi masa kini.

Kerana alasan-alasan inilah menurut Ali Syari'ati, *Rausyanfikr* adalah seorang guru yang memahami penderitaan dan pengalaman pahit dari rakyat dan sejarahnya, dia mengharapkan *Rausyanfikr* berjaya mencapai kesedaran diri yang progresif. Kerana disaat umat memerlukan kecerdasan dan kesedaran akan dirinya, para *Rausyanfikr* sangat memerlukan keimanan.[74]

Dalam hubungannya dengan tamadun dan budaya Barat, perbezaan antara intelektual Timur yang bebas dan intelektual yang dijangkiti *Westomania* (penyakit memuja Barat), adalah bahawa yang pertama tidak pernah membatasi dirinya pada norma-norma intelektual yang dihasilkan Barat, sedangkan yang kedua menganggap Barat sebagai mode yang harus ditiru.

Sarjana yang berorientasi ke Barat, meskipun mungkin sangat pintar ia akan tetap terasing dan terpisah dari masyarakatnya, ia tak boleh mempengaruhi

[74] Ali Syari`ati (1988), *op.cit.*, ms. 53

masyarakat secara konstruktif. Mereka tidak boleh menjadi *Rausyanfikr* atau pemimpin rakyat yang sedar dan faham, kerana tidak mengenal kenyataan-kenyataan dan keperluan sebenar dari umatnya. Dilihat dari peranan sosialnya, mereka selalu menjadi intelektual yang tidak matang, bingung dan lemah, serta terpisah dari nilai-nilai masyarakatnya, walaupun mereka sendiri hidup dari masyarakat tersebut.

Hubungan umat Islam dengan Timur berkaitan dengan agama, sedangkan hubungannya dengan Barat berkaitan dengan sains dan budaya borjuis yang pada dasarnya cenderung kepada materialisme. Kerana Timur berhubungan dengan Barat dalam masalah-masalah sains, maka ia harus mengenal Barat secara ilmiah dan jujur. Suatu pengenalan palsu tentang Barat akan menuntun umat kepada peniruan palsu pula. Hal tersebut bukanlah bererti harus menolak semua yang berasal dari Barat, namun maksudnya adalah meniru secara kritis. Setiap peniruan yang tidak didasarkan kepada keperluan-keperluan masyarakat merupakan peniruan yang palsu dan sia-sia.

Seorang *Rausyanfikr* harus berhenti meniru Barat sesuai dengan keinginan Barat atas mereka. Cara meniru yang terbaik adalah menyelidiki jalan yang telah ditempuh oleh Barat sehingga membawa Barat sampai kepada peringkat tamadun modennya.

Rausyanfikr harus menempuh jalan kebangkitannya secara hati-hati dan penuh kesedaran. Jenis peniruan yang menyangkut proses belajar dengan cara meniru secara sedar dan kreatif, bererti mengambil apa-apa yang tidak ada di Timur seperti sains dan teknologi moden Barat. Untuk kedua hal ini Timur tidak boleh meremehkan Barat. Barat merupakan suatu keperluan yang harus

diakui, bukan untuk ditolak atau dihindari dengan slogan-slogan yang dangkal. Mengabaikan Barat boleh bererti kembali kepada kebekuan.

Hal ini merupakan hal yang sia-sia untuk menghindar dari realiti yang ada di dunia kini yang telah menentukan kehidupan. Cara meniru yang dianjurkan adalah mengikuti senarai aksi, gerakan pemikiran, tingkah laku , tradisi, pandangan hidup, berbagai teknik, sarana dan tujuan yang telah digunakan Barat sehingga menjadi kekuatan yang berkuasa di dunia moden. Setelah memahami semua itu, *Rausyanfikr* harus menempuh jalan yang sama, sambil menguji, menganalisis, mengevaluasi, dan menciptakan keadaan dan keperluan-keperluan yang telah menolong Barat mencapai peringkat tamadun dan kepemimpinan dunia.

Bila jalan ini telah ditempuh secara hati-hati dan waspada, dia boleh membebaskan Timur dari setakat menjadi bawahan dan hamba yang mematuhi Barat. Harus segera disedari bahawa semakin lama seorang intelektual Timur mengikuti Barat secara tidak kritis, maka dia akan menjadi sangat tergantung dengan Barat, dia akan menjadi hamba bagi idea-idea Barat.

Barat akan menjadi ras pertama dan Timur akan menjadi ras kedua. Ras Barat akan terlihat sebagai ras yang unggul. Dan akhirnya Timur menganggap bahawa apapun yang datang dari Barat diakui tanpa cacat dan harus diikuti tanpa ragu-ragu. Sebagai akibatnya Timur akan menyakini bahawa semua ajaran Barat baik di bidang budaya, moral, hukum, dan intelektual merupakan ajaran-ajaran yang unggul. Semua orang di Timur akan merasa rendah diri. Hanya Baratlah yang menentukan baik dan buruk, benar dan salah. Dalam kekaguman kepada Barat, intelektual Timur yang bodoh akan cenderung lupa

menjawab cabaran, masalah-masalah, dan penderitaan penderitaan masyarakatnya.[75]

Rausyanfikr dari suatu masyarakat bertanggungjawab untuk menciptakan kesedaran bersama bagi melawan kolonialisme, sehingga bangsanya boleh mengambil sikap tegas melawan kekuatan-kekuatan penjajah. Jenis kesedaran seperti ini harus diciptakan oleh *Rausyanfikr* di dalam alam fikiran rakyat. Mereka harus menggunakan agama, seni dan sastera, prosa dan puisi, akhbar, mitologi rakyat, dan semua hal yang boleh membuat ajaran Islam masuk kedalam fikiran masyarakat. Melalui cara seperti inilah *Rausyanfikr* membawa tugas dan melaksanakan peranannya. Ia membawa misi untuk membangunkan umat yang terasing dari keyakinannya akibat pengaruh budaya Barat.

Ali Syari'ati mengambil contoh kes orang-orang Afrika yang telah mengalami penghinaan yang mendalam sehingga mendorong mereka kearah kesedaran diri. Pada abad ke-14 dan ke-15 berkapal-kapal hamba hamba Afrika dibawa ke Amerika untuk dijual secara pukal pada pasar borong hamba Setiap kapal yang berlayar dari Afrika ke Amerika dipenuhi manusia agar pedagang hamba memperolehi untung yang besar. Lima puluh peratus dari mereka mati di dalam pelayaran dan dilempar ke laut.

Tetapi orang Afrika yang dijadikan hamba pada masa itu tidak merasa terhina seperti sekarang kerana kenyataan menjadi hamba tidak cukup menggugah hatinya dan melahirkan kesedarannya untuk melawan. Faktor-faktor yang diperlukan untuk mencapai kesedaran adalah penemuan kesedaran untuk melawan realitinya sebagai hamba.

---

[75] Ali Syari'ati (1984), *op.cit.*, h. 110.

Hukum *dialektikal materialisme* mengajarkan bahawa sebab kemajuan dan perkembangan dalam masyarakat di dasarkan atas interaksi antara tiga kekuatan berikut : *Thesis, antithesis, dan sinthesis*. Secara sangat sederhana boleh diterangkan bahawa konflik atau pertentangan dan ketegangan dialektik antara penganiaya dan yang dianiaya dalam suatu masyarakat akan membentuk thesis dan anti-thesis dari masyarakat tersebut. Bila dua kekuatan ini memuncak secara berlawanan dan saling menghancurkan, maka muncullah tahap ketiga iaitu sinthesis. Namun hukum ini masih diperselisihkan kerana terdapat masyarakat di Afrika, Asia bahkan Yunani yang telah lama ditindas namun mereka tidak juga mencapai tahap kesedaran diri.

Pertentangan kelas dan *eksploitasi* ternyata tidak selalu boleh membawa masyarakat kepada kehidupan yang baik, ataupun revolusi sosial dan politik. Sehingga dapat disimpulkan bahawa masyarakat tersebut memerlukan seorang penolong (*Rausyanfikr*) untuk membantu mereka mencapai kesedaran memberontak. Orang Afrika harus diberi kesedaran bahawa mereka dihina sehingga penghinaan tersebut boleh menjadi sebab kebangkitannya. Bila penindas sebagai musuh dapat dikenali dengan baik maka ia boleh menjadi guru, dan kita boleh mengambil kesedaran diri secara tidak langsung.

Namun bila Timur meniru Barat secara buta, bahkan merasa bangga kerana dekat dengannya atau menjadi bawahannya, sementara ia mengabaikan realiti bahawa ia sedang dihina dan ditipu, maka ia tidak boleh melihatnya lagi sebagai musuh, tapi malah sebagai tuan. Tanggungjawab dan peranan *Rausyanfikr* adalah menanamkan dalam fikiran rakyat segala *pertentangan* yang ada dalam sistem sosial masyarakat.

Masyarakat yang belum memiliki kesedaran, masih berada dalam tahap tradisonal meskipun mereka berada di zaman moden. Harus diketahui bahawa beberapa masyarakat terkebelakang bahkan belum memasuki tahap sejarah, tahap memiliki pakaian dan simbol-simbol tulisan, sedangkan masyarakat lainnya sedang sibuk mengharungi angkasa luas. Dengan demikian pertentangan dialektik tidak boleh selalu menjadi faktor kemajuan kecuali kalau pertentangan dialektik itu telah masuk kedalam alam fikiran rakyat dan mencapai peringkat kesedaran. Kemiskinan, misalnya, tidak boleh dengan sendirinya menjadi faktor penyebab gerakan revolusi, kecuali kalau ia telah dirasakan dan difahami dengan penuh sedar sehingga menjadi penyebab kebangkitan orang-orang miskin.

Sekiranya orang-orang miskin merasakan kebahagiaan di dalam kemiskinannya, jika mereka menyerah kepada kemiskinan dan menjalaninya dengan sungguh-sungguh, maka kemiskinan bukan lagi merupakan faktor pertentangan. Sesungguhnya bukan kemiskinan itu sendiri yang memaksa simiskin untuk melawan, bangkit , memberontak dan berubah, melainkan kesedaran akan kemiskinan dan kesengsaraan itulah yang membuatnya melawan sistem yang salah.

*Rausyanfikr*lah yang memiliki tanggungjawab penting dalam menciptakan dan menumbuhkan kesedaran rakyat akan realiti kehidupan mereka. Ia harus pula menunjukkan kepada generasi muda fakta-fakta objektif dari sistem sosial yang sesat , dan memandu mereka merubah *status quo* yang menjadikan masyarakat semakin bodoh.[76]

---

[76] *Ibid*, h. 253 – 255

Rausyanfikr dunia Timur harus belajar dari para pemikir Afrika dan Asia, kerana pokok-pokok fikiran serta pandangan mereka berdekatan dengan perhatian, permasalahan dan pemikiran Timur. Sebagai ganti dari berkiblat kepada Marx, Sartre, dan lain-lainnya, maka ia wajib berusaha mengenai Iqbal, Fanon, Radha Krishnan dan pemikir-pemikir Asia-Afrika lainnya. Itu bukanlah bererti meniru mereka secara buta, kerana peniruan liar akan sama dengan kes peniruan terhadap Barat.

Yang harus dilakukan adalah mempelajari berbagai pendekatan, gagasan pemikiran, dan penerapannya kepada kondisi masing-masing masyarakat Timur, tanpa melakukan sikap kritis dan perubahan terhadap kepercayaan, kebudayaan, sosial dan ekonomi , maka tindakan tersebut betul-betul bodoh dan usaha pembaharuan akan gagal .[77]

Menurut Ali Syari'ati, jika seorang *Rausyanfikr* berkebolehan membawa umatnya melakukan langkah besar ke depan, jika ia disokong oleh seluruh lapisan masyarakat, maka ia tidak memerlukan masa enam ratus tahun untuk berevolusi mencapai tahap sejarah seperti ditempuh oleh Barat. Beberapa bangsa di Asia dan Afrika telah boleh mengejar ketertinggalan dari teknologi Barat moden. Secara prinsipnya, masalah revolusi intelektual dan kemajuan sosial bukanlah sesuatu yang harus diukur dan dihitung dengan kriteria kalendar.

Suatu masyarakat yang malas memerlukan masa seribu tahun sebelum mencapai peringkat sejarah tertentu, tetapi masyarakat lainnya yang progresif mampu dan boleh menyelesaikan peringkat yang sama dalam masa yang sangat singkat dengan sebuah loncatan yang besar. Oleh kerana itu seorang

[77] *ibid*, h. 257

Rausyanfikr tidak perlu menunggu terlalu lama agar masyarakatnya maju. Mereka tidak perlu melalui jalan evolusi yang panjang dari peringkat demi peringkat sejarah manusia.

Sebagai *Rausyanfikr*, ia tidak diharapkan menjadi penonton. Peranannya adalah membantu masyarakat agar berkembang secara lebih cepat dengan cara mengenali, mempengaruhi, dan memanfaatkannya, serta mengaktifkan *organ-organ* dan hubungan-hubungan sosialnya, sehingga umat tidak tertinggal dari dunia moden. Dengan cara ini ia tidak perlu melalui semua tahap-tahap dan periode-periode sejarah secara berurutan.

Ada beberapa masyarakat suku asli menurut Ali Syari'ati, yang masik primitif dan tidak mengalami perubahan apapun yang berkesan untuk kemajuan mereka sampai munculnya abad ini. Selama dua ribu enam ratus tahun sampai masa kini, sejak zaman Konfusius, mereka masih tetap primitif. Sedangkan di Eropah, Iran, Mesopotamia, Amerika dan di India ratusan tamadun dengan berbagai tingkatan telah berkembang secara laju.

Jika dilakukan suatu lompatan dalam bidang sosial dan budaya secara luar biasa, jika para *Rausyanfikr* melakukan tugasnya secara revolusioner dengan cara merubah sistem sosial dan politik, maka masa seribu tahun boleh ditinggalkan dan tamadun moden dapat dikejar. Melalui peranan *Rausyanfikr* sahajalah lompatan semacam itu boleh dilakukan sehingga kepastian sejarah boleh dikuasai atau diubahsuai, dan kemajuan besar dalam masyarakat boleh diharapkan mencapai kejayaan.

Seorang *Rausyanfikr* tidak boleh melihat bahawa masyarakatnya kini berada pada situasi Eropah abad ke-14, sehingga harus memakai metode-metode masa itu

untuk masa sekarang. Jika itu dilakukannya maka ia akan mencapai abad ke-20 dalam masa lima ratus tahun. Namun ia juga tidak boleh meniru masyarakat abad ke-20 dan menjadi salinan atau tiruan Eropah. Ia tidak boleh mengubah Afrika menjadi Amerika atau Eropah yang baru. Ia harus membangun suatu masyarakat manusiawi yang gagal dibangun oleh Amerika mahupun Eropah.[78]

Peranan dan tanggungjawab *Rausyanfikr* terletak dalam usahanya menciptakan kehidupan yang dinamik untuk membangun umat, jika tidak ia akan menyerah kepada keputusan sejarah yang akan menghapuskan identiti dan komitmennya. Ia harus meyakini takdir Allah, meyakini kekuatan Allah dan menolak kekuatan-kekuatan sejarah.

Jika suatu masyarakat tidak memiliki identiti kerohanian bangsa itu akan menjadi bangsa pengguna. Mereka tidak boleh menjadi bangsa yang maju jika jiwa dan keperibadiannya kosong dari sebarang identiti. Bangsa yang tidak mempunyai keyakinan kerohanian meskipun memiliki kebolehan berproduksi tetap akan berada di bawah tangan-tangan kapitalisme. Oleh kerana itu ia harus mencapai produktiviti budaya sebelum mencapai produktiviti ekonomi. Sebab kebebasan industri menuntut adanya kebebasan budaya.

Selama ia bergantung kepada budaya Barat, ia tidak akan boleh merdeka secara industrial, tidak akan pernah kreatif dan selalu bergantung. Bangsa yang tidak mampu untuk memilih rasa dan warna untuk dirinya sendiri, pasti tidak akan mampu melahirkan penemuan dan kebebasan teknologinya.

---

[78] *Ibid.*, h. 231.

Bagi seorang hamba yang mengabdi pada tuannya , dia harus menemukan kebebasan kerohanian dahulu sebelum dia menemukan kebebasan ekonominya. Dia tidak akan berjaya keluar dari rumah tuannya tanpa terlebih dahulu menemukan kembali keperibadian dan kemerdekaan manusiawinya.

Andaikata majikannya memutuskan untuk menghalaunya dari rumah, seorang hamba yang belum mampu berdikari secara mental akan memohon-mohon agar dia boleh diterima kembali. Kerana dia berfikir bahawa hidup bebas tanpa mengabdi kepada majikan adalah menakutkan baginya. Oleh kerana itu hal pertama yang harus dikerjakannya adalah berjuang memperoleh kemerdekaan keperibadian insaniah; barulah selepas itu dia boleh berkata kepada dirinya: "Allah memberi makan semua yang bergerak, saya mempunyai tenaga, saya boleh mencari rezeki sendiri! Biarlah dia mempunyai pembantu yang lain".

Melalui ibarat di atas, tugas *Rausyanfikr* adalah mendorong umatnya untuk mencapai identiti budaya dan kemudian mendorongnya untuk mencapai produktiviti ekonomi. Jika tidak dia akan menjadi konsumer dari barang-barang asing tidak akan pernah boleh untuk membuatnya. Perkara terburuk bagi bangsa Timur adalah merasa bangga dengan barang-barang dan penemuan-penemuan yang mereka tidak pernah membuat dan menciptakannya. Seorang kaya yang duduk di dalam kereta-kereta besar dan mewah buatan Eropah, sesungguhnya adalah orang sombong dengan sesuatu yang dia beli dan bukan yang dia buat.

Orang seperti ini sama sombongnya dengan orang Timur yang bangga bahawa manusia telah sampai di bulan. Namun dia tidak tahu bahawa dia bukanlah

bahagian dari proses pendaratan manusia ke bulan. Harusnya ia menyedari bahawa sampainya manusia ke bulan tidak ada sangkut-pautnya dengan dia.[79]

Berikut ini adalah kutipan dari Ali Svari'ati tentang pentingnya seorang *Rausyanfikr* menghidupkan kesedaran insaniah dari rakyatnya:

> Kesedaran ekonomi tidak boleh dicapai tanpa kesedaran insaniah. Dengan kata lain, mula-mula orang harus menjadi insan, memiliki rasa dan mentaliti yang kreativ, memiliki keberanian untuk memilih bagi dirinya, dan dia harus boleh menyatakan pandangan-pandangannya sendiri, dan bukan meniru pandangan-pandangan Barat, hanya dengan demikianlah dia boleh bebas dari Barat. Setiap kemerdekaan yang tidak disertai dengan peringkat yang lebih tinggi dalam pengenalan sosial dan kesedaran diri tidak akan dapat bertahan lama. Supaya tidak tergantung kepada Barat, dia harus memahami Barat guna mencapai kebebasan mental, individualiti dan insaniah sedemikian rupa sehingga tidak lagi rendah diri di hadapan Barat.[80]

Barat menikmati kesenangan hidup bukan hanya kerana teknologi mereka yang tinggi, tapi juga kerana sistem kapitalismenya yang menghisap kekayaan Timur. Seorang pemandu teksi di Perancis hanya bekerja enam jam sehari; dia masih punya delapan belas jam untuk rehat dan santai. Namun dia memiliki semua peralatan moden di rumahnya (penyejuk udara, peti ais dan lain-lain). Sebab sesungguhnya mengapa dia tidak bekerja seperti orang-orang Timur adalah sebagaimana orang-orang Eropah lainnya, dia merupakan pengambil keuntungan dari kekayaan yang dibawa dari Afrika dan Asia ke Eropah, sebagai hasil dari kolonialisme dan imperialisme.

Pemerintah Perancis hanya membayar sepuluh sen untuk sebotol anggur merah dari Algeria. Dan sebab mengapa harga tomato begitu murah adalah kerana diimport dari Afrika. Perancis mengambil kopi dari hutan-hutan di

---

[79] *Ibid*, h. 259 - 262.

[80] *Ibid*, h. 265.

Chad dengan upah buruh yang sangat murah, merekalah yang telah diperas dan ditindas untuk membahagiakan orang-orang Eropah. Di Perancis mereka mengatakan bahawa kapitalisme telah memperlakukan pekerja dengan adil, namun di Afrika mereka adalah penghisap darah bumi putera. Hubungan antara pekerja dengan majikan di Afrika adalah hubungan antara penindas dengan yang ditindas.

Sebahagian besar manusia Eropah telah meyakini bahawa mereka adalah ras yang lebih unggul berbanding ras-ras lainnya di dunia. Kesombongan yang sudah ada di sana bahkan sejak zaman Yunani klasik. Kesombongan Barat adalah mereka tidak memandang ras-ras kemanusiaan yang lain sebagai sesama manusia. Bagi mereka sejarah bermula dari Yunani, kemudian bergerak ke Perancis dan Inggeris . Inilah yang mereka anggap sebagai sejarah. Disamping itu kaum humanis, ahli antropologi, dan ahli sosiologi Barat seringkali membahas kemanusiaan melalui hubungan-hubungannya dengan manusia Eropah. Mereka hanya memiliki minat yang kecil sekali untuk mengakui kelebihan bangsa lain secara objektif.

Berhubung kerana sarjana-sarjana Eropah terbukti tidak seimbang menilai masalah-masalah kemanusiaan dan sosial, maka andaian dan analisis-analisis mereka tidak boleh dibenarkan secara universal. Oleh kerananya seorang *Rausyanfikr* narus lebih memperhatikan kondisi geografi dan rasnya. Ia tidak boleh meniru logik ilmiah dari pendapat-pendapat Barat. Logik Eropah memang pernah mengilhami Barat untuk mencampakkan belenggu perhambaan, untuk bangkit dan bersatu.

Sementara falsafah yang berasal dari sana seperti nasionalisme yang dibawa ke Timur pada periode sejarah tertentu telah menimbulkan fragmentasi, perpecahan dan kelesuan. Misalnya dunia Islam selama abad ke-18 dan ke-19 M begitu menyatu dan kuat sehingga ketenteraannya menguasai Laut Tengah dan sebahagian negeri-negeri di Eropah.

Namun munculnya nasionalisme di Eropah merubah keadaan tersebut. Sebagai suatu gerakan progresif, nasionalisme telah merubah dan menolong Inggeris, Perancis, Austria dan Jerman muncul sebagai bangsa-bangsa yang merdeka pada abad ke-16 dan ke-17. Nasionalisme mengakibatkan hancurnya orde Katholik di Eropah. Ketika nasionalisme menjadi kuat ia menggugat Gereja, membanteras pemerintahan teokratik zaman pertengahan.

Nasionalisme juga merintis jalan bagi kebebasan dana kemerdekaan sains serta kebudayaan di Eropah. Akan tetapi corak nasionalisme yang sama di bawa ke Timur pada abad ke-19, ia menyebabkan dunia Islam mengalami pepecahan menjadi negara-negara kecil yang lemah. Oleh kerana itu sangat penting sekali bagi seorang *Rausyanfikr* untuk memberikan perhatian yang serius pada permasalahan umatnya.[81]

Dalam rangka memperjelas tugas dan peranan seorang *Rausyanfikr*, dalam makalahnya *The Visage of Muhammad*, Ali Syari'ati menghuraikan tiga wajah yang muncul dan menguasai sejarah, iaitu : Wajah Kaisar, ahli falsafah dan Nabi. Kaisar seperti yang ditulis ahli sejarah adalah seorang yang keras, dengan pedang terhunus, ia seorang kasar yang selalu menumpahkan darah dan selalu tidak demokratik dengan rakyatnya. Di sekeliling Kaisar selalu ditemukan para

[81] *Ibid* h. 269-271

pengawal, ahli peta bumi, penyair, pelawak atau badut istana, setiausaha, bendahari, serta lain-lain yang bekerja di istana. Kekuatan yang dimiliki Kaisar adalah harta benda dan kekuasaan, serta hiburannya adalah perempuan dan pesta.

Wajah lain yang tampak jelas adalah ahli falsafah, yakni orang yang dianggap mempunyai pandangan luas dan terang dari setiap masa ke semasa. Kadang-kadang dia berada di antara Kaisar, duduk bersama-sama dengan tokoh-tokoh lainnya, dan kadang-kadang dia duduk sendirian terbenam dalam pemikirannya tentang alam semesta, manusia dan Tuhan. Dengan pemikirannya dia mencuba mengetahui kebenaran hakiki tentang alam semesta. Dia terbenam dalam pemikiran-pemikiran unik dan mendalam, namun sesungguhnya dia terpenjara oleh sekelompok kecil kelas yang diteranginya iaitu kaum terpelajar dan para bangsawan dari setiap masyarakat dan zaman.

Ahli falsafah tidak boleh membahas kehidupan sederhana para rakyat jelata, keperluan-keperluan kecil rakyat, serta harapan-harapan mendasar yang sederhana yang dimiliki orang awam. Socrates misalnya adalah ahli falsafah yang paling cemerlang yang telah mempelopori jalan ke arah pemikiran falsafah yang tinggi. Dia adalah guru bagi genius-genius besar seperti Plato, Aristotle, al-Kindi, dan Ibn Sina. Apakah yang diserukan oleh orang-orang ini? Hanya mereka yang boleh menjawapnya. Apakah nilai-nilai dari seruan mereka? Hanya orang yang terguna-guna kepada logik yang mengerti maksudnya. Orang-orang biasa di daerah-daerah lainnya tidak mengerti ucapan-ucapan aneh mereka.

Seandainya kita menghilangkan Socrates, Plato, Aristotle, Ibn Sina dan murid-murid mereka dari sejarah, apakah yang berlaku? Hanya ahli perpustakaan dan para pensyarah yang akan menangis. Sedangkan rakyat biasa yang awam

sama sekali tidak merasakan kehilangan semacam itu. Di Barat seorang Spartacus[82] lebih berguna dan menguntungkan dibandingkan suatu akademi yang dipenuhi oleh orang-orang sejenis Plato dan Aristotle. Dan bagi Timur, seorang Abu Dhar adalah jauh lebih efektif dibandingkan beratus-ratus Ibn Sīnā, Ibn Rusyd dan Mulla Sadra.

Wajah lain yang terlihat jelas dalam sejarah ialah wajah seorang Nabi. Orang-orang yang dalam sejarah muncul dengan wajah ini, dengan segala perbezaan yang terlihat, sebenarnya antara satu dengan yang lainnya adalah serupa. Mereka mempunyai wajah yang baik dan ramah. Tingkah laku mereka lebih menunjukkan kejujuran dan ketulusan daripada kehebatan dan kekuasaan. Orang-orang yang biasa dan awam boleh memahami rahsia seruan mereka tanpa kesulitan, tetapi para genius, ahli falsafah dan ilmuan harus berjuang untuk mengetahuinya dengan susah payah.

Berikut ini kutipan dari tulisan Ali Syari'ati tentang wajah Nabi yang harus diikuti oleh para *Rausyanfikr*:

> Jiwa-jiwa yang sensitif terhadap keindahan dan kehangatan akan dengan mudah memahami misteri kenabian. Mereka adalah kecemerlangan, cinta, harapan dan tujuan umat. Dalam wajah mereka, dalam rahsia mata mereka, dalam suara mereka, dalam cara mereka berjalan, duduk, diam dan cara mereka hidup adalah teladan yang nyata. Orang-orang tertindas dan awam bukan hanya setakat melihatnya, tetapi juga menyentuhnya dan merasakannya, dan kelembutan para Nabi telah menakjubkan dan memenuhi perasaan, hati dan jiwa mereka. Itulah sebabnya ketika manusia kini telah sampai kepada peringkat tertinggi sejarah manusia, kita melihat bilamana dan dimana sahaja seluruh manusia selalu mengikuti wajah-wajah para Nabi yang sederhana dan ajaib ini. Dengan penuh rasa cinta umatnya menyediakan diri dan siap untuk mati, untuk mengorbankan jiwa bagi dan demi membela Nabi.[83]

---

[82] Spartacus adalah pahlawan dalam mithologi Yunani yang menggerakkan pemberontakan kaum hamba terhadap tuannya.

[83] Ali Syari'ati (1971), *The Visage of Muhammad*, terj.A.A. Sachedina, Houston, Free Islamic literature,Inc, h. 73.

Para Nabi adalah penguasa hati yang tak tertandingi, mereka memandu jalannya sejarah, sehingga serombongan besar kafilah manusia mengikuti mereka dan meneruskan perjalanan dengan mereka. Sejarah memberitakan bahawa apabila suatu kafilah umat manusia tersesat atau berhenti, salah satu dari Nabi-Nabi akan muncul untuk kemudian menggerakkan masyarakat tersebut dan membukakan jalan baru dihadapan mereka.

Ali Syari'ati menolak keimanan terhadap Nabi-Nabi bukan keturunan Ibrahim a.s (Buddha, Konfucius, Zoroaster, Lao Tse dan lain-lain). Ia menekankan keimanannya kepada Nabi-Nabi Ibrahimiah sebagai penyelamat manusia dari penindasan dan penganiayaan dalam sejarah. Nabi-Nabi keturunan ibrahim a.s biasanya muncul dari golongan rakyat biasa. Banyak di antara mereka adalah pengembala, pekerja dan pedagang biasa. Dalam pola masyarakat bangsawan dan aristokrat mereka tidak mempunyai kedudukan yang khas. Kamai di antara mereka hidup di padang pasir dalam kesederhanaan dan penderitaan seperti rakyat biasa.

Wahyu-wahyu pertama yang mereka terima tidak dimulai dengan dukungan dan sokongan kepada para penguasa melainkan pernyataan perang terhadap penguasa yang zalim. Nabi Ibrahim a.s. misalnya mengambil kapak besar dan pergi ke kuil untuk memecahkan berhala-berhala dan menggantungkan kapaknya di atas berhala yang paling besar. Dengan cara seperti inilah dia memulai misinya. Oleh sebab itu kisahnya adalah kisah tentang penyiksaan dan penderitaan serta pembakaran dalam api. Bukan kisah kesenangan dan kenikmatan berdekatan dengan penguasa seperti Nabi-Nabi bukan keturunan Nabi Ibrahim a.s.[84]

[84] Ali Syari'ati membezakan antara Nabi-Nabi Ibrahim dengan Nabi-Nabi bumi (non-Ibrahimiah) seperti Buddha, Confusiaus, Lao Tse, Zoroaster dan lain-lain yang pada umumnya berpihak kepada penguasa serta mendukung *status quo*.

Nabi Musa a.s. dengan jubahnya yang buruk, kasar dan berlobang dan sebatang tongkat, muncul dari padang pasir memasuki ibu kota kerajaan, terus menuju istana Fir'aun dan menyatakan perang melawannya. Dari sinilah kisahnya dimulai yakni kempen melawan Fir'aun, Haman dan Qarun, serta meyelamatkan umat Yahudi dari tawanan dan penganiayaan. Ia melakukan hijrah untuk membentuk suatu masyarakat yang merdeka dan bebas dari kezaliman.

Nabi Isa a.s, seorang pemuda yang tidak memiliki kedudukan sosial, seorang nelayan tak dikenal dari tepi pantai laut Merah. Tiba-tiba dia muncul dan menentang Kaisar. Dan dengan ajaran-ajaran rohaniahnya yang agung dia memukul dan meruntuhkan kekaisaran Romawi. Kisahnya adalah kisah tentang hukuman-hukuman dan pembunuhan-pembunuhan dari kaisar-kaisar yang berkuasa.

Muhammad s.a.w., seorang pemuda yatim piatu yang biasanya mengambil upah mengembala kambing orang-orang Mekkah di pinggir bandar, tiba-tiba baginda muncul dari pengasingannya di Gua Hira' dan menyatakan perang kepada kaum kapitalis, para pedagang hamba di Mekah dan para pemilik tanah di Taif. Melawan para raja di Parsi, serta Kaisar Romawi. Dalam masa singkat, orang-orang terhina di masyarakatnya, iaitu orang-orang terasing, para hamba dan orang-orang miskin datang kepadanya. Oleh sebab itu kisahnya adalah kisah tentang penyiksaan, hijrah, pengusiran dan pengasingan serta perang yang terus-menerus di jalan Allah.

Dengan perspektif Islam, kita melihat wajah Muhammad s.a.w., sebagai orang terakhir dalam senarai Nabi-Nabi pengembala. Nabi ini harus

disenaraikan dalam daftar tokoh-tokoh agung dalam sejarah; para Kaisar, ahli falsafah dan rahib. Rasul ini harus dilihat bersama-sama Nabi-Nabi dari Timur untuk kemudian diteliti dengan cermat. Kita harus pula menempatkan Muhammad s.a.w. bersama-sama pendahulunya dan membuktikan bersama bahawa mereka sejak awal sejarah telah membimbing banyak generasi dan telah memandu umat manusia untuk menciptakan tamadun-tamadun yang agung di dunia.[85]

Seorang *Rausyanfikr* Muslim harus mengenal Islam dengan benar sebagai senjatanya untuk memperbaiki umat. Ia harus meyakini bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang syumul di dunia. Islam menerapkan kekuatannya pada perasaan-perasaan dan fikiran-fikiran pada peringkat individu mahupun masyarakat. Hasil alamiah yang diberikan Islam adalah munculnya arah yang seimbang untuk masyarakat sehingga mereka tidak akan tersesat dan menempuh arah yang salah. Sekurang-kurangnya ada empat hal yang harus dipelajari seorang *Rausyanfikr* dengan benar jika ia hendak memahami Islam.

Pertama, pengenalan dan pengetahuan yang benar tentang Allah S.W.T. Allah adalah Tuhan yang mengumpulkan semua dimensi kebesaran dari *tuhan-tuhan* lain yang pernah disembah manusia sepanjang sejarah. Pada satu segi Dia adalah Janus[86] , iaitu dewa yang memiliki dua wajah. Allah memiliki wajah-wajah Yahweh[87] dan Yesus, dengan dua sifat yang berlawanan: Yang Maha Kuasa dan Maha Pengasih. Seperti Yahweh dia adalah Yang Maha Pembalas,

---

[85] *Ibid*, h. 33.

[86] Janus adalah Dewa bangsa Romawi kuno yang menjaga pintu masuk dan pintu ke luar, ia juga dewa permulaan dan akhir.

[87] Yahweh adalah tuhan bangsa Yahudi.

Yang Maha Perkasa, Zat Yang Menghukum dengan kejam. Seperti Yesus[88], Dia adalah Yang Maha Pengasih, Yang Maha baik, Maha Pengampun, Maha Penyayang yang turun ke bumi serta bersahabat dengan manusia, yakni wakil-Nya di dunia. Allah begitu terbuka dan mengenal baik umat manusia, sehingga lebih dekat dari urat lehernya.

Kedua adalah al-Quran, yang merupakan intisari Taurat, falsafah, hikmah, kisah-kisah dan aqidah, moral, hukum-hukum, ekonomi, politik, ketenteraan, hubungan individu dengan sosial, tata cara dan kehidupan sosial, material dan spiritual, kehidupan sekarang dan kehidupan yang akan datang. Hampir semua idea dan konsep terdapat dalam al-Quran, mulai dari falsafah penciptaan dan kebijaksanaan Penciptanya, bahkan rahsia-rahsia kesihatan, pensucian jiwa, perjuangan, tamadun, sains dan pengetahuan. Al Quran adalah buku yang menyimpan berbagai pandangan dan idea yang menjadi penyuluh bagi kehidupan sepanjang sejarah kemanusiaan.

Ketiga, pengenalan terhadap Nabi Muhammad s.a.w., yang merupakan perpaduan antara semangat Nabi Musa a.s dan Nabi Isa a.s. Ia sering kali terlihat di medan perang yang ganas, pengikutnya tidak sabar lagi untuk membunuh atau dibunuh. Namun ia adalah orang yang lebih halus dari Nabi Isa a.s. Seorang wanita Yahudi telah menyiram kotoran di atas kepalanya tetapi ia tidak berkata apapun jua. Pada puncak kekuasaannya, ketika tenteranya berjaya memasuki kota Mekah, baginda s.a.w. mempunyai kekuatan bagaikan seorang Kaisar, Namun ia berdiri di sisi Ka'bah dengan

[88] Yesus adalah persepsi umat Kristian tentang Tuhan.

wajah Nabi Isa a.s. yang penuh cinta dan pengampunan dan berkata kepada kafir Quraisy musuhnya: "Pergilah! Kamu semua bebas".

Ali Syari'ati menggambarkan peribadi Muhammad s.a.w. sebagai teladan *Rausyanfikr* sebagai berikut :

> Hal yang hampir tidak boleh dipercaya, bahwa manusia ini meninggalkan rumah dan bandarnya pada tengah malam pergi kekuburan Baqi', dekat Madinah, dan merenungkan fikiran-fikiran *ketuhanan*. Dengan suara yang dalam, yang seolah-olah keluar dari kedalam jiwa seorang rahib yang telah bertahun-tahun hidup ditempat sunyi dan jauh dari kebisingan dunia. Ia merenungkan kejadian *meta-fizik* dan akhir kehidupan yang misterius. Namun dia pulalah orang yang sibuk di pasar Madinah, di dekat sebuah lubang yang besar yang digali atas perintahnya. Berkelompok-kelompok orang Yahudi telah dirantai dan dibunuh atas perintahnya kemudian dilemparkan ke dalam lubang tersebut, dan dia menyaksikan peristiwa tersebut dengan mata dan hati yang dingin. Ia perintahkan agar lubang tersebut ditutup dengan pasir. Orang-orang Yahudi tersebut telah mengkhianati masyarakat, dan bila Muhammad s.a.w. menghadapi pengkhianatan maka ia akan berubah menjadi Kaisar yang kejam, dan Allah akan berubah seolah-olah menjadi *Yahweh*.[89]

Rasulullah yang selama di Madinah telah memimpin enam puluh kali peperangan dan perjuangan, ternyata juga memiliki jiwa dan kedalaman hati-sanubari sang Buddha. Ia memghimpunkan imaginasi dan kehalusan ajaran yang terkandung dalam Upanishad, memiliki kebijaksanaan dan logik sekuat Socrates, serta mempunyai pandangan tentang keindahan yang sebanding dengan Lao Tse di China.

Keempat adalah orang-orang atau sahabat-sahabat dekat dari Rasulullah s.a.w. *Rausyanfikr* harus mengenal Abu Dhar, Ali dan Salman r.a. Mereka adalah murid-murid teladan Nabi yang telah menciptakan masyarakat Madinah. Mereka mempunyai keahlian bermain pedang, kefasihan berbicara,

[89] Ali Syari'ati (1971) *op cit.* h 38

kebijaksanaan, kesetiaan, pengorbanan diri, kepercayaan dan kejujuran, kebaikan hati , kesabaran, kesolehan, kesederhanaan, keadilan dan ibadah.

Tamadun-tamadun dalam sejarah manusia telah menunjukkan ketidakpasuan yang terus menerus dalam masyarakat, antara dunia kini dan dunia yang akan datang, antara ruh dan badan, antara akhlak dan kehidupan, antara sains dan agama, antara kesenangan dan ibadah, antara kenyataan dan kebenaran yang hendak ditegakkan. Ketidakpastian ini selalu menyakiti manusia dan membuat umat menderita kerana penyimpangan.

Rausyanfikr harus menyedari bahawa sejarah telah membuktikan kegagalan tamadun moden. Mereka harus berfikir dengan kebijaksanaan Socrates, dan mencintai manusia dengan nurani Nabi Isa a.s. Tamadun yang ingin diciptakan bukanlah tamadun spritual India sahaja ataupun tamadun kehidupan Eropah sahaja. Melainkan tamadun yang menggabungkan spritual India sekaligus materialisme Eropah; suatu tamadun yang *badannya* material tetapi *semangatnya* adalah agama.

Misi *Rausyanfikr* adalah menghembuskan ajaran Islam ke dalam tubuh *materialisme* Barat, membawa mentaliti Timur ke Barat dan sebaliknya membawa realiti Barat ke Timur.

> *Rausyanfikr* ibarat Jalaluddin Rumi yang menyalakan lampu dalam kehidupan Aristotle dan membasahi mata Francis Bacon yang sentiasa kering. *Rausyanfikr* mesti mampu meletakkan pedang Kaisar di tangan Nabi Isa a.s. serta kegelisahan dan kerinduan al-Hallaj di hati Socrates. Dia harus mampu menciptakan tamadun Athena dan Sparta, tetapi dalam masa yang sama membangun masjid di Senat Roma, Akademi Athena, dan Gereja-gereja Kristian. Ia juga mesti mengakui keindahan sains dan keindahan Allah, tetapi tidak menutup telinganya dari mendengar ucapan Pascal dan Descartes.[99]

[99] *Ibid*, h. 44.

Berdasarkan hal diatas boleh disimpulkan bahawa Ali Syari'ati menginginkan para *Rausyanfikr* Muslim menciptakan masyarakat teladan dan bandar teladan yang merupakan tujuan dari ajaran-ajaran para Nabi keturunan Nabi Ibrahim. Tanggungjawab ini telah diwariskan dari Nabi Muhammad s.a.w. kepada umatnya, mereka harus mencari jalan keluar bagi permasalahan umat Islam. Para *Rausyanfikr* berkewajiban menyampaikan risalah kepada intelektual Muslim lainnya yang memperjuangkan keadilan sosial.

Mereka juga harus meniru dan mengenali akhlak sahabat-sahabat Nabi, iaitu orang-orang pertama sekali mengikuti ajaran Rasulullah S.A.W.. Mereka adalah penakluk-penakluk negeri-negeri kafir dan penghancur berhala-berhala di atas dunia. Mereka hidup dengan berpedoman mutlak kepada al-Quran dan al-Sunnah. Orang-orang inilah yang meninggalkan kesenangan dunianya dan menyambut syahid sambil tersenyum. Tentang sahabat-sahabat Nabi al-Quran memberitakan:

وَالسّٰبِقُوْنَ الْاَوَّلُوْنَ مِنَ الْمُهٰجِرِيْنَ وَالْاَنْصَارِ وَالَّذِيْنَ اتَّبَعُوْهُمْ بِاِحْسَانٍ ۙ رَّضِيَ اللّٰهُ عَنْهُمْ وَرَضُوْا عَنْهُ

Terjemahan: *Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) diantara orang Muhajirin dan Anshar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik; Allah ridha kepada mereka dan merekapun ridha kepada Allah.*

Terjemahan sūrah At-Taubah (9) : 100

Ali Syari'ati sangat merindukan revolusi yang segera berlangsung di dunia Islam yang diawali oleh para *Rausyanfikr*:

> Saya berharap bahawa pada masa yang akan datang, esok entah bilamana sahaja, akan berlangsung revolusi di dunia dalam rangka menyokong dan menegakkan kebenaran serta keadilan, serta melindungi orang-orang yang tertindas; suatu revolusi dimana saya mewajibkan diri untuk ikut serta

mengambil bahagian; suatu revolusi yang tidak mungkin hanya terlaksana dengan ucapan dan doa-doa sahaja, tetapi juga dengan mengibarkan bendera-bendera dan menghayunkan pedang-pedang. Saya merindukan kedatangan dengan perang suci yang akan melibatkan seluruh kaum Muslimin.[91]

Sebagai penutup Bab ini berikut ini dikutip sajak Ali Syari'ati yang menggambarkan harapan besarnya kepada seorang *Rausyanfikr* sebagai pemberi semangat bagi kehidupan umat:

Dengan suluh kehidupan Islam,
aku merujuk kepada semangat yang membakar jiwa,
dalam jangka masa yang singkat.
Suatu revolusi,
suatu kebudayaan,
sebuah sejarah,
dan seorang manusia (*Rausyanfikr*) yang celik dan sedar,

Di tengah-tengah kerosakan, kebodohan,
perpecahan,kelemahan, kepasrahan, kemiskinan,
kesengsaraan, diskriminasi, kefanatikan, ketahayulan dan keganasan.
Aku merujuk kepada semangat yang menyalakan api cinta-kasih,
pemikiran-pemikiran dan harapan-harapan mulia,

Aku berjalan di belakang semangat
yang mendorong revolusi-revolusi besar
berlandaskan jihad dan syahadah.
Aku merujuk kepada semangat yang membangun suatu tamadun yang penuh
dengan kemakmuran dan kekuatan,
semangat yang melahirkan suatu kebudayaan
limpahan pemikiran-pemikiran dan bakat-bakat baru yang mencengangkan,
perasaan yang dipenuhi oleh kesucian jiwa dan kedalaman intelek
serta cahaya hati.

Aku merujuk kepada semangat yang mewariskan untuk umat manusia
suatu khazanah perpustakaan yang berlimpah dengan keindahan insani,
suatu kekayaan yang mencerminkan perasaan batiniah.
Akhirnya, aku merujuk kepada kedahsyatan iman yang tidak habis-habisnya,
yang sekarang mungkin masih terkubur dan tidak dikenali,
atau terbuang sia-sia.[92]

---

[91] Ali Syari'ati (1986), *op.cit.*, h. 564.

[92] Ali Syari'ati (1988),.*op cit.*, h. vi.